

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III Bil. 61 Hari Khamis 6 November 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B.1 hingga B.13

(Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1998

Jawatankuasa:

Maksud P.7 dan P.8

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N.,
A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.
(Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

“ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

“ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Khamis, 6 November 1997****Mesyuarat dimulakan pukul 2.30 petang****DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KAWASAN PERTANIAN DI HULU TERENGGANU - RANCANGAN
DAN PELAN TINDAKAN UNTUK MEMAJUKANNYA**

1. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan daerah Hulu Terengganu adalah daerah pertanian dan masih terdapat hampir 34,000 hektar kawasan yang masih terbiar, adakah kementerian mempunyai rancangan atau pelan bertindak untuk memajukan kawasan ini seperti mengadakan sistem pengairan yang mencukupi, penambahan alat-alat jentera dan pembajakan untuk membolehkan para petani mengusahakannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin

Taib: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran masyarakat Langkawi di Dewan yang mulia ini.

[Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pertanian melalui jabatan dan agensi yang berkaitan mempunyai beberapa program dan projek untuk meningkatkan pengeluaran pertanian di daerah Hulu Terengganu. Di antara program/projek yang telah dan akan dilaksanakan termasuk memulihkan tanah sawah terbiar dan pelaksanaan projek-projek sayuran komersial dan dusun

nukleus secara berkelompok. Bagi projek-projek tersebut, kerajaan akan menanggung kos untuk menyediakan keperluan infrastruktur projek dan sistem pengairan utama, manakala kos operasi dan kos-kos lain akan ditanggung oleh petani-petani sendiri.

Bagi menampung keperluan kejenteraan pertanian di negeri Terengganu termasuk daerah Hulu Terengganu pula, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Terengganu mempunyai rancangan untuk menambah bilangan traktor pembajak dan jentuai pada tahun 1998/1999 akan datang dengan tambahan sebanyak 10 buah traktor dan tiga buah jentuai untuk menjadikan jumlah kesemuanya sebanyak 43 buah traktor pembajak dan 11 buah jentuai. Adalah dianggarkan bahawa PPN negeri Terengganu hanya dapat menampung 30% daripada keperluan kejenteraan pertanian di seluruh negeri Terengganu, manakala baki keperluan sebanyak 70% dijangka akan ditampung oleh pihak swasta.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya ingin penjelasan tambahan. Kalau diperhati pada soalan asal didapati kira-kira 34,000 hektar kawasan yang masih terbiar. Jadi, saya yakin bahawa manusia yang bernama petani juga terbiar di kawasan ini. Jadi, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada jentuai, jentera dan sebagainya termasuk benih dan sebagainya dalam program. Jadi, apakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya petani di kawasan lebih 34,000 hektar ini dimotivasikan, dibangunkan

supaya mereka dapat mengusahakan sepertimana yang dirancangan oleh kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam jawapan asal tadi?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih, Yang Berhormat dari Kangar. Memanglah dari segi ini kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai program termasuk program untuk memotivasikan petani-petani di kawasan tersebut. Ini termasuklah yang diadakan oleh agensi seperti Jabatan Pertanian, MARDI, Jabatan Haiwan dan juga lain-lain agensi yang berkaitan. Perkara ini memanglah sukar bagi saya untuk menyatakan keberkesanannya, tetapi kita boleh lihat dari segi memulakan projek tertentu seperti di Sekayu di Terengganu, kita ada projek taman pertanian yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Ianya sebagai satu usaha untuk membolehkan agensi berkenaan ataupun kerajaan negeri mengadakan dusun-dusun nukleus dan juga yang berkaitan dengan agrotourisme.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daerah Hulu Terengganu satu daerah yang luas, yang terluas di antara daerah-daerah lain dalam negeri ini dan terdapat lebih kurang 6,367 petani. Keluasan kawasan pertanian ini 72,000 hektar lebih, dan separuh di antaranya telah pun dimajukan dengan pelbagai pertanian termasuk pertanian sayur-sayuran, ladang buah-buahan. Tetapi dari segi tanaman padi lebih kurang 34,000 hektar terhalang, tidak dapat dibuat. Jadi, soalan saya mengikut kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, traktor pada 1998 telah diberi kerajaan pertanian

negeri. Tetapi setakat ini Hulu Terengganu belum mendapat traktor. Kita telah acapkali tahun lepas kita bercakap di Dewan ini dan sekarang belum pun dapat.

Yang kedua, saya hendak tahu perancangan Kementerian Pertanian berkait dengan parit dan saluran pun belum lagi dilaksanakan. Jadi, apakah langkah sebenar dan langkah segera patut dibuat oleh Kementerian Pertanian?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pihak Persatuan Petani Kuala Terengganu telah mengadakan traktor untuk membajak sawah atau memberi khidmat pembajakan dan jentuai. Ini satu perkara yang kita akan dapat memberi sumbangan kepada petani-petani tersebut. Kita harap juga di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kita akan menambahkan jumlah traktor dan tiga buah jentuai yang dikatakan tadi.

Persoalan yang berkaitan dengan program, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajaan Negeri Terengganu menyediakan peruntukan berjumlah RM12 juta untuk meningkatkan sistem pengairan di enam buah kawasan saluran untuk menanam padi. Kalau hendak saya baca ini adalah panjang sedikit, tetapi saya akan beri selepas ini.

PEMEGANG KONSESI JALAN RAYA EKSPRES - JUMLAH KOS PROJEK DAN TEMPOH MASA

2. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) siapakah pemegang konsesi untuk
 - (i) Jalanraya Ekspres Putrajaya-Puchong-Petaling Jaya;
 - (ii) 'Elevated' Jalanraya Utama Ampang;

- (iii) Shah Alam Jalanraya Ekspres;
 - (iv) Nilai-KLIA Jalanraya Ekspres.
- (b) jumlah kos projek tersebut dan tempoh masa yang diberi kepada pemegang konsesi untuk menyelesaikan projek dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan bayaran tol oleh pengguna adalah munasabah.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, nama pemegang-pemegang konsesi projek-projek penswastaaan lebuhraya seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:-

- (a)
 - (i) **Jalanraya Ekspres Putrajaya-Puchong-Petaling Jaya -**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan lebuhraya ini telah tidak wujud kerana kerajaan telah pun meluluskan sebelum ini satu cadangan penswastaaan bagi Lebuhraya Damansara-Puchong yang mempunyai jajaran yang sama seperti yang dinyatakan oleh projek yang lebih awal. Pemegang konsesi projek penswastaaan Lebuhraya Damansara-Puchong ialah Syarikat Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. (Littrak).
 - (ii) **Lebuhraya tingkat di atas Sungai Klang dan Sungai Ampang dari Jalan Sultan Ismail ke Ampang -**

Pemegang konsesi ialah Projek Lintasan Kota Sdn. Bhd. (Prolintas).

(iii) **Lebuhraya Shah Alam -**

Pemegang konsesi ialah Kesas Sdn. Bhd.

(iv) **Lebuhraya KLIA -**

Pemegang konsesi ialah Expressway Lingkaran Tengah Sdn. Bhd (Elite).

(b) Mengenai jumlah kos projek dan tempoh siap lebuhraya/jalan raya berkenaan adalah seperti berikut:-

(i) **Lebuhraya Damansara-Puchong -**

Kos sebanyak RM765.32 juta, siap dalam masa tiga tahun dan tempoh konsesi selama 33 tahun dari tahun 1996 hingga 2029.

(ii) **Lebuhraya Tingkat di atas Sungai Klang dan Sungai Ampang dari Jalan Sultan Ismail ke Ampang -**

Highway Ampang, kos projek sebanyak RM615 juta dan tempoh pembinaan selama tiga tahun dan tempoh konsesi selama 33 tahun daripada 1996 hingga 2029.

(iii) **Lebuhraya Shah Alam -**

Kos pembinaan RM1,565 juta tempoh pembinaan tiga tahun dan tempoh konsesi selama 28 tahun 9 bulan, daripada tahun 1993 hingga tahun 2002.

(iv) **Lebuhraya KLIA -**

Kos pembinaan sebanyak RM77 juta dan consession period selama 22 tahun daripada 1996 hingga tahun 2018 dan jalan ini telah pun dibuka sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perundingan, syarat-syarat dan terma-terma perjanjian konsesi termasuk kadar tol, kerajaan memang memastikan supaya bayaran tol adalah pada paras yang paling minimum dan tidak membebankan kepada pengguna.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu untuk membina jalan raya berkenaan berapakah peratus bahan-bahan mentah yang digunakan didapati daripada tempatan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan bagi soalan ini spesifik, saya mohon notis untuk menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi oleh jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kadar tol yang ditetapkan oleh kerajaan ada pada kadar yang tidak membebankan para pengguna tanpa disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kadar

sebenarnya yang telah diputuskan. Bolehkah saya dapat tahu apakah kadar untuk kesemua empat lebuhraya ini dan adakah ia setanding dengan apa yang dibenarkan kepada PLUS. Kalau ia lebih baik daripada PLUS apa sebabnya, dan kalau ia lebih kurang pun, apa sebabnya?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, walaupun keputusan telah dibuat secara tentatif dalam perjanjian yang telah disign dengan pihak yang berkenaan dengan kerajaan, tetapi tidaklah dapat saya mengumumkan dengan rasminya pada hari ini kerana keputusan yang dibuat itu masih tertakluk kepada perbincangan yang final nanti. Saya percaya keputusan yang dibuat dengan mengambil kira rungutan-rungutan rakyat berhubung dengan kadar tol yang berlaku di mana-mana, ini adalah kadar yang paling rendah yang telah difikirkan sesuai untuk pengguna jalan raya.

GURU SAINS, MATEMATIK DAN INGGERIS - JUMLAH KEKURANGAN MENGIKUT NEGERI

3. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kekurangan guru Sains dan Matematik di negara ini mengikut negeri dan apa tindakan kerajaan untuk mengatasinya; dan
- (b) berapa jumlah guru-guru Sains, Inggeris dan Matematik yang dipindah ke cawangan tadbiran oleh kerana dinaikkan pangkat dan kenapakah dicicirkan tenaga mahir ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan,

- (a) Kekurangan guru beropsyen Sains di seluruh negara ialah 1,303 orang. Manakala kekurangan guru beropsyen Matematik pula ialah seramai 663 orang. Pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut: -

Negeri	Sains	Matematik
Perlis	2	2
Kedah	23	11
Pulau Pinang	42	42
Perak	87	31
Selangor	27	14
Wilayah Persekutuan	21	10
Negeri Sembilan	120	80
Melaka	3	11
Johor	44	3
Pahang	90	68
Terengganu	21	15
Kelantan	60	28
Sabah	370	140
Sarawak	393	208

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk menambah pengambilan guru-guru pelatih yang berasaskan Sains dan Matematik di maktab-maktab

perguruan dan pusat-pusat pengajian tinggi. Jabatan Pendidikan negeri akan melantik guru sandaran tidak terlatih (GSTT) yang mempunyai kelayakan akademik dan rekod perkhidmatan yang memuaskan bagi mengisi kekosongan di sekolah-sekolah.

- (b) Guru-guru Sains, bahasa Inggeris dan Matematik yang dipindahkan ke Jabatan Pendidikan negeri dan Jabatan Pendidikan daerah sama ada kerana kenaikan pangkat atau pertukaran biasa masih terlibat dengan program-program peningkatan prestasi mata pelajaran masing-masing. Kepakaran dan kemahiran guru-guru ini diperlukan untuk menjalankan penyeliaan serta pemantauan, pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah didapati kebanyakan guru-guru Sains dan Matematik ini sepertimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kurang, dan guru-guru ini biasanya ditempatkan di kawasan-kawasan bandar yang mana guru-guru ini lebih memilih untuk mengajar di kawasan-kawasan bandar. Ini menyebabkan di kawasan sekolah luar bandar menghadapi masalah kekurangan guru-guru dan juga guru Sains dan Matematik ini tidaklah begitu baik dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar. Jadi, ini juga menyebabkan taraf pendidikan dan juga penguasaan murid-murid di luar bandar di dalam

mata pelajaran Sains dan Matematik begitu lemah sekali. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi menangani masalah ini, dan adakah kementerian bercadang untuk memberikan insentif yang lebih kepada guru-guru di dalam bidang Sains dan Matematik apabila mereka mengajar di kawasan luar bandar?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan tersebut dan kita harap dapat diselesaikan dalam tempoh setahun dua ini. Yang keduanya, sebenarnya di setengah-setengah negeri memang kita berdepan dengan masalah hendak mendorong dan menggalak guru-guru ini supaya pergi ke kawasan-kawasan luar bandar walaupun ada insentif-insentif sedikit-sebanyak yang disediakan. Ini melibatkan masalah-masalah kemanusiaan seperti ada di antara mereka itu tidak dapat hendak berpisah atau dipisah dengan keluarga ataupun isteri masing-masing, terutama sekali kita seboleh-bolehnya pula tidak mahu memisahkan di antara suami dan isteri. Ini perkara-perkara yang menimbulkan soal-soal pentadbiran yang kita cuba hendak selesaikan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Melihat daripada apa yang saya perhati dalam masa lima-enam tahun kadang-kadang sekolah-sekolah di luar bandar menjadi medan latihan bagi guru-guru daripada peringkat kolej guru untuk berlatih secara amali. Apabila mereka sama ada sudah menjadi kanan

dan pandai dan dinaikkan pangkat, mereka dipindahkan ke sekolah di bandar. Jadi, penggantinya pula walaupun mempunyai pendidikan yang sama tetapi tidak mempunyai pengalaman yang sama. Daripada maktab guru dihantar mengganti guru yang sudah mahir dalam pengalaman ini untuk mengganti di luar bandar. Jadi, sentiasa guru-guru di luar bandar itu guru-guru yang muda, guru-guru yang baru selain daripada guru besar sahaja. Jadi, adakah kementerian bercadang supaya apabila guru-guru ini walaupun dinaikkan pangkat dibiarkan duduk di luar bandar, mengajar di luar bandar supaya sekolah di luar bandar menerima pengalaman dan pengetahuan daripada mereka lebih baik lagi, dan seterusnya memberi insentif kepada guru-guru ini agar tidak berghairah sangat hendak balik ke bandar.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal pemindahan guru-guru ada asas-asas yang disediakan dan kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita mengikut asas-asas yang disediakan. Saya bersetuju memang kedapatan guru-guru di kawasan-kawasan luar bandar perlu dipertingkatkan lagi mutu dan nilainya, tetapi kita kena ingat apabila timbul soal kenaikan pangkat, kita mesti bersikap adil kepada guru-guru itu dan memberikan kenaikan tersebut apabila sampai masanya. Namun demikian, kita cuba seberapa daya yang boleh menampung keperluan-keperluan kita di kawasan-kawasan luar bandar.

GURU DILATIH - PELAKSANAAN SKIM TARAF DIPLOMA

4. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah kementerian akan melaksanakan skim taraf diploma bagi

guru-guru dilatih sebelum Julai 1996. Bagaimanakah kerajaan membayar pampasan kepada guru-guru yang telah lama mengajar tetapi akan hanya menerima gaji setaraf dengan guru terlatih selepas Julai 1996.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah pun bersetuju untuk melaksanakan skim taraf diploma perguruan berkuatkuasa mulai 1 Julai 1999. Mengenai tatacara pelaksanaan khususnya kepada guru-guru DG6 yang telah lama berkhidmat, yakni melebihi tiga tahun telah disahkan dalam perkhidmatan mereka akan dipindahkan ke skim Diploma Perguruan Malaysia DGA6 mulai 1 Julai 1999.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kebajikan guru ini termasuk menaikkan gaji mereka, melaksanakan skim taraf diploma dan sebagainya. Baru-baru ini pihak MCA, Persatuan Tionghua Malaysia dan juga Persatuan Perniagaan Tionghua Malaysia telah mengadakan satu kempen yang disebutkan kempen 'Hormati Guru' di seluruh negara. Ia bertujuan untuk mengingatkan orang ramai khususnya ibu bapa supaya menghormati guru. Sebenarnya pada pagi ini juga kita mengadakan satu seminar mengenai kempen ini. Jadi, saya ingin tahu macam mana pandangan kementerian terhadap kempen ini, dan adakah kementerian mengadakan rancangan-rancangan yang lain untuk membantu tiga pertubuhan ini supaya lebih banyak lagi NGO yang menyokong kempen ini dan ia merupakan satu kempen yang lebih berjaya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Walaupun soalan ini lain sedikit, cuma saya hendak mengatakan bahawa kementerian sentiasa mengalu-

alukan peranan dan sumbangan semua lapisan masyarakat, terutama sekali badan-badan yang ingin membantu kementerian dan juga guru-guru kita supaya senantiasa diberikan penghormatan dan pandangan tinggi oleh masyarakat. Saya juga mengatakan kita di kementerian memang senantiasa berpendapat bahawa perkhidmatan perguruan itu merupakan suatu perkhidmatan yang mulia dan apabila badan-badan seperti MCA dan persatuan peniaga hendak mengelolakan kegiatan-kegiatan itu saya percaya badan-badan itu lebih mampu daripada kementerian dan tidak payahlah kita bantu.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, macam mana mengenai jawapan untuk bahagian kedua dalam soalan saya, iaitu mengenai pampasan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soalan itu merangkum apabila saya katakan tadi dalam melaksanakan itu nanti, semua guru-guru yang telah berkhidmat selama tiga tahun dan disahkan dalam jawatan, maknanya guru-guru yang buat kursus persijilan itu dahulu, mereka itu akan juga dimasukkan, dipindahkan dalam perkhidmatan diploma itu.

MAKANAN IMPORT - USAHA MENGAWAL KENAIKAN HARGA AKIBAT KEJATUHAN NILAI RINGGIT

5. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah kajian dan langkah jangka pendek kementerian untuk mengawal peniaga-peniaga tempatan yang menaikkan harga makanan import demi keuntungan berlebihan dengan mengambil kesempatan situasi pertukaran Ringgit Malaysia yang lemah sekarang; dan

- (b) sama ada harga 'bahan makanan utama' turut terpengaruh akibat situasi tersebut, dan sila senaraikan bahan-bahan makanan yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Mentakab pada hari ini, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih pada 11.11.1997, Ahli Yang Berhormat dari Klang pada 1.12.1997, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara pada 8.12.1997 dan Ahli Yang Berhormat dari Bandau pada 10.12.1997. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bagi mengawal peniaga-peniaga tempatan daripada menaikkan harga makanan import dengan tujuan untuk mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang berlebihan semasa kejatuhan nilai Ringgit, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil pelbagai langkah. Di antaranya seperti berikut:-

- (i) menjalankan pemeriksaan fiskal dengan lebih kerap bagi menentukan tidak ada kegiatan mencatut oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Dalam hubungan ini mulai 1 Ogos 1997 kementerian ini telah melancarkan 'Ops Tanda Harga' bagi mempertingkatkan pemeriksaan ke atas

tanda harga barangan yang dipamerkan untuk jualan. Sehingga 11 Oktober 1997 sebanyak 70,335 premis peniagaan telah diperiksa;

- (ii) pemantau kedudukan bekalan dan harga barang perlu bagi membanteras kegiatan mengeksploitasi pasaran umpamanya menyorok barang bagi mewujudkan 'artificial shortage' dan seterusnya memanipulasikan harga;
- (iii) mengambil tindakan tegas terhadap peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab memanipulasikan harga; dan
- (iv) berkerjasama dengan Jabatan Perangkaan dalam memantau perubahan harga barang-barang pengguna termasuk makanan bagi mengenal pasti kenaikan harga jika ketara adalah berpatutan dan tiada elemen mencatut.

Tindakan pemeriksaan yang dijalankan itu tidak hanya terhad kepada barang-barang import sahaja. Sebaliknya tumpuan juga diberikan ke atas barang-barang tempatan kerana dikhuatiri peniaga-peniaga barang-barang juga diambil kesempatan untuk mendapat keuntungan berlipat kali ganda.

Selain daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, beberapa kementerian lain terutamanya Kementerian Pertanian dan agensi-agensi di bawahnya turut memainkan peranan dalam mengawal kenaikan harga barang-barang makanan. Misalnya, agensi-agensi seperti FAMA serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah juga mengambil langkah menggalakkan petani dan nelayan agar menjual barang-barang makanan seperti sayur, buah-buahan dan ikan terus kepada pengguna. Adalah diharap pendekatan sedemikian dapat menstabilkan harga komoditi yang berkaitan.

- (b) Setakat ini belum ada bahan-bahan makanan utama yang dikawal dinaikkan harganya atas kelemahan ke atas pertukaran Ringgit. Sebarang permohonan kenaikan harga akan dikaji dengan teliti bagi memastikan ia munasabah dan tidak dapat dielakkan. Barangan atau bahan makanan terkawal yang terlibat ialah beras, gula pasir, tepung gandum, susu roti 'standard loaf' dan minyak berasaskan 100% minyak sawit. Barangan dan bahan mentah ini diimport dan dibayar dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat. Begitu juga minyak sawit mentah walaupun keluaran tempatan, ia dibeli oleh pengilang minyak masak

berasaskan harganya di pasaran dunia yang disebut dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kadar kenaikan indeks harga pengguna iaitu sebagai menunjuk kepada kadar inflasi negara pada bulan Ogos dan September 1997 adalah masing-masing 2.4% dan 2.3%. Untuk makluman Dewan yang mulia ini matlamat kempen antiinflasi dan kempen inflasi sifar adalah untuk menurunkan kadar inflasi negara ke tahap yang serendah mungkin dan angka sifar merupakan sasaran jangka masa panjang. Kempen ditumpukan ke atas barangan dan perkhidmatan asas terutamanya yang biasanya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah. Ia melibatkan juga proses pembelajaran jalan kefahaman dan kesedaran masyarakat peniaga dan pengguna mengenai kesan buruk kenaikan kadar inflasi yang tidak terkawal dan cara-cara bagaimana mereka dapat membantu usaha kerajaan membanteras inflasi. Dengan itu, dalam keadaan penurunan nilai mata wang Ringgit dan kesannya terhadap kadar inflasi negara, kempen inflasi sifar akan diteruskan, termasuk dengan mengambil langkah-langkah sepertimana dinyatakan di atas. Jika mendapat sokongan dan kerjasama bersepadu

semua pihak di atas langkah-langkah yang disasarkan oleh kerajaan adalah diharap harga barang-barang dan nilai Ringgit dapat stabil pada paras berpatutan.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apakah jenis barangan akan naik harga atau turun harga selepas pengumuman Belanjawan dan apakah tindakan akan diambil untuk memastikan barangan terlibat dalam pengurangan cukai dapat diturunkan harga?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang terlibat dalam pengurangan cukai atau duti import, penghapusan duti import dan penghapusan cukai jualan akan dijangka diturunkan harga jualannya. Contohnya, barangan daripada kulit seperti pelbagai jenis beg tangan, tali pinggang dan kasut dan sama juga barangan makanan seperti bebola ayam, bebola daging dan ikan harganya akan diturunkan. Mengenai harga barangan naik adalah barang-barang yang terlibat dalam kenaikan duti seperti kenderaan bermotor mewah, kereta besar harganya naik, dan sama juga bahan-bahan binaan seperti jubin, besi, mungkin berlaku kenaikan harga.

Untuk memastikan peniaga-peniaga menurunkan harga barangan, oleh kerana tadi saya kata penghapusan ataupun pengurangan duti import, kementerian ini telah meningkatkan pemeriksaan melalui Ops Budget 1998 supaya semua barang-barang yang terlibat dalam pengurangan atau penghapusan duti harganya dapat diturunkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah 70,375 premis yang telah diperiksa dan juga dikuatkuasakan peraturan ini, saya ingin tahu berapakah jumlah yang telah dikenakan tindakan dan kutipan denda hasil daripada tindakan mahkamah ataupun sebagainya. Selain daripada itu saya ingin tahu di peringkat negeri dan juga daerah, kita terdapat Majlis Hal Ehwal Pengguna. Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah majlis pengguna yang ada di negeri dan daerah, dan apakah setakat hari ini kementerian berpuas hati dengan pencapaian tugas yang telah diamanahkan kepada mereka?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada angkakah?

Datuk Tan Chai Ho: Saya tidak mempunyai angka yang tepat mengenai anggaran 70,335 premis peniaga yang telah diperiksa. Tetapi saya boleh beritahu Yang Berhormat bahawa pemeriksaan yang dijalankan melalui Ops Sedar pada 1 Januari hingga 1 November 1997 kes yang diambil tindakan adalah 5,829 dengan nilai barangan yang dirampas adalah RM28,770,000.00 dan bilangan kes kompaunnya adalah RM4,396 dengan amaun yang dikutip RM1,429,786 dan denda adalah 330 kes dengan banyak kutipan RM512,970. Perkara mengenai Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah, telah pun ditubuhkan di seluruh negara, kecuali di Wilayah Persekutuan. Kementerian ini sedang

menubuhkan majlis ini dan kementerian ini berasa puas hati ke atas performance atau prestasi yang telah diberikan oleh Majlis Daerah.

SISA BUANGAN KELAPA SAWIT - TINDAKAN DAN KESAN

6. **Tuan Asmat Nungka [Beluran]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa buah kilang di kawasan Beluran yang telah dikenakan tindakan akibat daripada pembuangan sisa buangan kelapa sawit ke sungai, dan sejauh manakah keberkesanan tindakan sedemikian.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada rekod Jabatan Alam Sekitar terdapat lapan buah kilang kelapa sawit yang sedang beroperasi di kawasan Beluran, Sabah. Dua buah kilang kelapa sawit telah dihadapkan ke mahkamah pada tahun 1996 kerana tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM3,000 ke atas setiap kilang. Antara langkah-langkah kawalan yang telah diambil oleh kilang berkenaan termasuklah menambah keupayaan kolam pengolahan affluent.

Hasil daripada penguatkuasaan susulan yang dijalankan hingga Jun 1997 didapati kilang-kilang ini telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, apakah pendekatan yang boleh diambil oleh kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai sikap lama pengilang-pengilang, bila tengok sungai dia anggap sebagai tempat buangan semata-mata, dan macam-macam buangan. Kalau kita perhati di Semenanjung sejak tahun 1970-an Sungai Durhaka di Pulau Pinang adalah

tempat buangan sisa dari kilang-kilang di Seberang Perai di mana kita dapati kerang di Kuala Juru pun mati, ikan pun buta. Jadi, apakah tindakan yang dapat diambil oleh kementerian Yang Berhormat supaya sikap buruk ini dapat dialih kepada yang lebih baik?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada saudara saya, soalan ini tidak relevan. *[Ketawa]*

Tuan Asmat Nungka: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Timbalan Menteri sebentar tadi ada lapan kilang kelapa sawit terdapat di daerah Beluran, saya ingin tahu sejauh manakah kilang-kilang kelapa sawit ini telah memberi faedah kepada anak-anak tempatan terutama sekali kepada anak-anak Beluran dari segi pekerja di peringkat kemahiran seperti electrical engineer dan sebagainya kerana sejauh mana yang saya tahu kilang kelapa sawit ini tidak memberi peluang kepada anak-anak tempatan terutama sekali di Beluran dan juga saya ingin tahu apakah galakan daripada kementerian untuk memastikan supaya anak-anak tempatan kita di Sabah ini dapat faedah daripada pekerjaan di kilang-kilang ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini juga tidak relevan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa yang relevan ini?
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Beluran puas hati ya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

[Soalan No. 7 - Y.B. Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam) tidak hadir]

VISA PELANCONG - TINDAKAN MENGATASI SALAH GUNA

8. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah benar terdapat sebilangan pelancong luar yang datang ke negara ini dengan menggunakan visa pelancongan terlibat dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti pelacuran dan penyeludupan/pengedaran dadah. Jika benar, nyatakan bilangan yang telah dikenakan hukuman dan apakah tindakan jangka panjang dalam mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan warganegara asing ditangkap kerana terlibat dengan kegiatan pelacuran dalam tempoh 1995 hingga Jun 1997 ialah 3,363 orang dan bilangan yang ditangkap kerana kegiatan mengedar dadah pula ialah 100 orang. Bagi menangani masalah ini pihak polis dan imigresen sentiasa meningkatkan kawalan di pintu-pintu masuk negara ini dan melakukan serbuan serta pemeriksaan di tempat-tempat yang dikenal pasti dijadikan premis pelacuran dan tempat-tempat tumpuan pengedar dadah.

Selain daripada itu, pihak polis juga mendapat kerjasama dengan Interpol, agensi-agensi dadah dan polis negara asing.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelacuran, mengikut laporan ada mengatakan iaitu Mafia, Russia sekarang menjalankan aktiviti untuk mengeksportkan orang-orang daripada Russia ataupun daripada Eastern Europe, dengan izin, sebagai pelacur

ke Amerika dan juga ke South East Asia. Jadi, soalnya adakah kita di Malaysia ini menerima pelacur yang dihantar oleh pihak Mafia, Rusia ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat itu menerima.

[Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini relevan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik yang saya dapat iaitu 3,363 pelacur asing yang dapat ditangkap dalam dua setengah tahun yang lalu itu, pelacur daripada Rusia adalah sangat kurang, sehingga boleh dikatakan decreaseable. Sebab lain-lain negara hanya 139 daripada 3,363 dan lain-lain negara ini termasuk semua negara, termasuk Rusia juga di dalam. Saya dapati angka Rusia itu kurang daripada 50 orang. Jadi, negara kita bukan negara penerima yang utama. Daripada 3,300 lebih ini yang paling ramai sekali ialah Indonesia - 2,067, kedua ialah Filipina - 523, Thailand - 443. Jadi, ini tiga negara pembekal yang utama, yang lain-lain kurang.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping menghargai usaha gigih berterusan dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membanteras gejala sosial ini, persoalan saya ialah apakah bentuk tindakan yang berupa mencegah dan menghukum terhadap kaum-kaum sindiket yang membawa kumpulan-kumpulan liar ini yang terlibat orang tempatan menjadi ibu ayam dan bapak ayam. Apakah bentuk tindakan yang tegas perlu diambil oleh kementerian?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial ataupun maksiat dan sebagainya ini banyak bergantung kepada sikap masyarakat umum kita sendiri. Kalau sekiranya Malaysia ini menjadikan satu pasar yang boleh menarik orang luar datang sama ada melacur ataupun melakukan hal-hal yang tidak sihat yang lain, maka mereka tetap akan datang kerana kita jadi pelanggan. Yang paling berkesan sekali selain daripada penguatkuasaan, iaitu pihak polis akan tingkatkan cara mengintip, mengutip maklumat, menangkap sindiket dan sebagainya, saya rasa masyarakat kita juga boleh memainkan peranan kalau kita sama-sama mengawasi dan menggalakkan orang kita sendiri terlibat dalam kegiatan itu, maka itulah satu cara yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan.

[Soalan No. 9 - Y.B. Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

tidak hadir]

**POKOK JATI - JUMLAH KOS DAN JUMLAH POKOK YANG
DITANAM DI SEPANJANG LEBUHRAYA UTARA-SELATAN**

10. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tujuan penanaman pokok-pokok jati di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan dan berapakah jumlah pokok dan kos yang terlibat dan namakan syarikat-syarikat yang terbabit yang mengendalikan penanaman tersebut.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan tujuan penanam pokok jati di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan adalah seperti berikut, iaitu:

- (i) pelantikan, dengan izin, dan penghijauan lebuhraya;

- (ii) mengoptimumkan penggunaan tanah kosong yang terdapat di sepanjang lebuh raya; dan
- (iii) bagi memupuk agronomy, dengan izin, secara semulajadi seperti kawalan hakisan tanah dan untuk kesuburan tanah.

Jumlah pokok yang telah ditanam setakat ini ialah sebanyak 536,900 batang pokok dengan kos perbelanjaan sebanyak RM18,717,269. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang terlibat di dalam penanaman pokok-pokok jati tersebut di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan ialah sebanyak tujuh buah syarikat seperti berikut:-

- (i) Syarikat Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad (PROPEL);
- (II) Intan Flora Sdn. Bhd.;
- (iii) S. Atiq Enterprise;
- (iv) Cadence Kontrak Bina Sdn. Bhd.;
- (v) Groplus Industry Sdn. Bhd.;
- (vi) KVI Forest Industri Sdn. Bhd.; dan
- (vii) Capital Court Sdn. Bhd.

Tuan Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan perancangan tanaman pokok jati di lebuh raya merupakan satu perancangan yang amat baik. Saya ingin tahu adakah pihak PLUS bercadang untuk memperluaskan lagi penanaman tersebut ke tempat lain, kalau ada di mana?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, penanaman pokok jati adalah dirancang oleh pihak PLUS sendiri sebagai satu daripada syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian konsesi bagi menghijaukan dan mengelakkan penghakisan tanah di sepanjang lebuh raya. Maknanya, jika keperluan-keperluan yang perlu ditanam dengan pokok jati di sepanjang lebuh raya yang belum ditanam, itu terserahkan kepada pihak PLUS sendiri untuk merancang dan memastikan tempat yang perlu ditanam dengan pokok jati.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kita ingin pertamanya membanyakkkan rakyat makan buah-buah tempatan. Di samping memperkenalkan pokok-pokok dan buah-buah tempatan kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita yang menggunakan lebuh raya dan jalan raya. Jadi, adakah pihak kementerian ingin mencadangkan selain daripada tanam pokok jati yang tidak mengeluarkan buah tetapi mungkin boleh ditebang pokok dan dijual kayunya, adakah kerajaan bercadang untuk menanam pokok buah-buah tempatan macam manggis, durian, rambutan, pisang tidak bolehlah kerana semak, supaya pertamanya pelancong dapat melihat ini pokok rambutan, this is our hairy fruit, this is king fruit, dengan izin, supaya masyarakat tahu, dan di setiap bulatan-bulatan saya ingin mencadangkan kalau boleh kementerian berfikir, kita tanam macam pokok serai, pokok kunyit dan sebagainya. Yang ini adalah untuk memperkenalkan. Kadang-kadang anak-anak cucu kita tidak tahu, kita tanya pokok kunyit macam mana, dia tidak tahu. Tanam pokok bunga kantan ataupun pokok daun karapole. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Pokok durian kalau jatuh atas kepala orang itu.

[Ketawa]

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak Kementerian Kerja Raya boleh mencadangkan kepada pihak PLUS. Selain daripada pokok jati, pokok buah-buah boleh ditanam. Tetapi termaklumkan kalau kita tanam pokok buah-buah di tepi lebuhraya, nanti bila ada buah, banyak orang turun petik buah, accident boleh berlaku. Selain daripada itu, soal menanam pokok-pokok kunyit dan lain-lain di bulatan itu juga boleh kita cadangkan.

SEKOLAH RENDAH DI SARAWAK - MASALAH KEKURANGAN MURID DAN USAHA MENINGKATKAN MUTU PENDIDIKAN

11. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan, mengikut bahagian, sekolah-sekolah rendah di Sarawak yang mempunyai kurang daripada lima puluh orang murid. Apakah polisi jangka pendek dan jangka panjang kementerian sekolah-sekolah seperti ini untuk menentukan mutu pengajaran dan pembelajaran terus meningkat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sekolah rendah di Sarawak yang mempunyai kurang daripada 50 orang murid adalah seperti berikut:

Daerah di Sarawak	Sekolah Rendah
Kuching	57 buah
Sri Aman	31 buah
Sibu	54 buah
Miri	38 buah

Limbang	8 buah
Sarikie	30 buah
Kapit	<u>1</u> buah
Jumlah	<u>219</u> buah

Langkah jangka pendek bagi membantu sekolah-sekolah berkenaan ialah menempatkan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah tersebut dan membuat pemantauan. Langkah-langkah jangka panjang pula ialah pemusatan sekolah-sekolah tersebut bagi membolehkan pentadbiran dan pengurusan berjalan dengan lancar.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pemusatan. Jadi, di pedalaman di Sarawak, murid-murid yang berumur tujuh tahun juga dihantar ke asrama di sekolah yang kecil-kecil seperti ini. Saya pernah melawat di sekolah yang begitu rupa, murid-murid ini pergi mandi ke sungai yang dicemari oleh industri pembalakan, mencuci pakaian mereka sendiri di sungai itu dan selepas itu membawa air sungai balik ke asrama untuk memasak. Jadi, apakah langkah-langkah segera yang akan diambil kementerian terhadap sekolah-sekolah yang mempunyai murid yang begitu kecil?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebagai suatu cara untuk mengatasi masalah ini, kita ada ketengahkan konsep untuk mewujudkan kompleks sekolah di tempat-tempat yang sesuai. Kita cuma boleh buat ini kalau sekiranya dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkaitan. Kita tidak ada pilihan lain, kecuali untuk memusatkan sekolah-sekolah ini dan mendapatkan persetujuan semua pihak terutama sekali ibu bapa. Tetapi

langkah yang paling mudah sekali tutup sekolah-sekolah ini dan ditempatkan. Tetapi saya pun tahu, semua tahu, tidak ada ibu bapa yang akan bersetuju untuk menutup sekolah.

Tuan Lou Hoi Chiew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang masalah sekolah-sekolah di luar bandar khususnya kekurangan murid-murid, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa jumlah hasil keputusan tentang permohonan pindaan lokasi sekolah rendah khususnya daripada luar bandar ke bandar di negeri Sarawak. Saya difahamkan permohonan ini perlu tunggu lama untuk dapat keputusan dari kementerian. Saya ingin tahu apa sebabnya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang langkah-langkah yang sedang diambil bukan untuk Sarawak sahaja tetapi seluruh Malaysia. Kita banyak mempunyai sekolah yang bilangan muridnya kurang daripada 50 orang ke bawah ini, dan langkah-langkah yang kita ambil itu memanglah memakan masa sedikit untuk dapat kita rencanakan dengan baik supaya memberi manfaat yang sebaik mungkin kepada anak-anak kita.

‘POWER BREAKDOWN’ - USAHA TNB UNTUK MENGATASI MASALAH DI KAWASAN PARLIMEN DUNGUN

12. **Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan Tenaga Nasional Berhad untuk membaiki keadaan bekalan elektrik di kawasan luar bandar yang kerap kali dilanda ‘power breakdown’ umpamanya di kawasan Durian Mas, Bukit Besi dan Jerangau dalam kawasan Parlimen Dungun.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama gangguan ke atas talian di kawasan Durian Mas, Bukit Besi dan Jerangau di kawasan Parlimen Dungun adalah panahan kilat, pokok kelapa sawit yang tidak dapat ditebang kerana sukar mendapat kebenaran dari pihak estet kelapa sawit dan juga disebabkan haiwan yang tersentuh dengan talian. Pelbagai usaha telah

dijalankan bagi mengurangkan gangguan bekalan elektrik di kawasan tersebut. Bagi tempoh jangka pendek pihak TNB telah:

- (i) melakukan rondaan dari masa ke semasa ke atas talian ini;
- (ii) membersihkan kawasan rentis; dan
- (iii) mengurangkan footing resistance, dengan izin, bagi mengurangkan gangguan akibat panahan kilat.

Bagi projek jangka panjang, pihak TNB sedang merancang:

- (i) mengeluarkan satu lagi pembekal 33 KV dari pencawang masuk utama Santong Paka, Dungun; dan
- (ii) membina sebuah pencawang masuk utama 132/33 KV di Air Putih, Kemaman.

Maka dengan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak TNB ini saya harapkan masalah yang berlaku di kawasan Yang Berhormat ini dapat diatasi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah breakdown bukan sahaja berlaku di Dungun, tetapi berlaku di seluruh negara kita yang mana akibat daripada berlaku breakdown ini akan memberikan kesusahan dan juga kerugian kepada pengguna-pengguna. Jadi, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri apakah jaminan kerajaan berhubung dengan masalah breakdown yang begitu kerap berlaku. Kerana di kawasan saya kadang-kadang dalam seminggu sampai dua-tiga kali. Jadi, masalah ini macam dijawab Timbalan Menteri tadi kerana ada pokok kelapa sawitlah, pokok itulah. Di kawasan bandar tidak ada pokok kelapa sawit tetapi breakdown berlaku juga. Jadi, saya ingin tahu apakah jaminan, adakah pihak pengguna akan dibenarkan untuk membuat tuntutan ganti rugi ataupun adakah kerajaan bercadang untuk memberi lesen satu lagi kepada pembekal supaya ada persaingan supaya masalah-masalah ini dapat dikurangkan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, di seluruh dunia tidak ada satu pun kerajaan yang boleh memberikan jaminan bahawa tiada black-out, satu pun saya ingat tidak adalah setakat ini, masa depan tidak tahulah. Tetapi

sekarang memang tidak ada sungguh pun di negara yang lain ada lebih daripada satu syarikat yang sebagai pembekal pun black-out juga berlaku. Walau bagaimanapun, TNB selepas tahun yang lepas, bila melaksanakan satu rancangan menyeluruh untuk mengurangkan black-out, gangguan dengan menjalankan beberapa langkah, saya dengan sukacitanya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa keadaan telah pun bertambah baik.

Misalan kata dari bulan Mac sehingga ke bulan Ogos tahun ini, kes gangguan telah berkurangan sebanyak 13%. Di kawasan bandar memang tidak ada gangguan yang disebabkan oleh pokok dan sebagainya tetapi di kawasan bandar memang selalu berlaku gangguan kerana kerja kontrak yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor dan baru-baru ini selepas pihak kementerian dan pihak TNB mengadakan satu kempen kesedaran di antara kontraktor-kontraktor, saya juga berasa amat puas hati kerana selepas itu gangguan di kawasan bandar pun telah dikurangkan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dielakkan gangguan bekalan elektrik. Tetapi, kadangkala gangguan bekalan elektrik ini ialah kerana fuis sahaja yang terlibat dan pihak TNB mengambil masa sehingga tiga, empat jam untuk datang menggantikan fuis yang breakdown itu. Bolehkah satu pasukan kecemasan di mana mereka selepas sahaja menerima pengaduan, datang untuk periksa dan jikalau itu adalah gangguan yang ringan sahaja dapat diselesaikan dengan segera dan bukan menunggu sehingga tiga atau empat jam?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, di semua daerah TNB memang ada pasukan kecemasan untuk mengatasi masalah gangguan bekalan

ini. Saya bersetuju untuk menggantikan fius dalam lima atau sepuluh minit boleh diselesaikan, tetapi masalah ialah mengenalpasti masalah ataupun punca gangguan ini, memang memakan masa yang lebih panjang.

Kalau sekiranya kita tahu di mana berlaku masalah, misalan kata fius terputus, kadang-kadang saya sendiri pun boleh tukar sahaja dalam masa lima minit. *[Ketawa]* Masalah ialah masa dikehendaki untuk mengenalpasti punca masalah ini.

OPS PACAK - JUMLAH SAMAN DAN KOMPAUN

13. **Tuan Yunus bin Rhmat [Jelebu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah saman mengikut kesalahan hasil ‘Ops Pacak’ jumlah kutipan kompaun dan denda mahkamah bagi ‘Ops Pacak’ dan penguatkuasaan biasa/khas yang dikesan polis trafik bagi tempoh 1996-Ogos 1997; dan
- (b) jumlah keanggotaan polis trafik mengikut negeri, apakah masalah yang dikenalpasti berkaitan dengan penyampaian saman dan proses pendakwaan dan apa langkah mengatasinya agar RTA ‘97 dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan berkesan.

Timbalan Menteri Menteri Dalam Negeri [Dato’ Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah saman yang dikeluarkan hasil daripada ‘Ops Pacak’ bagi bulan Disember 1996 ialah sebanyak 195,070. Sementara bagi tahun 1997 bagi dua minggu pertama bulan Februari dan dalam sepanjang bulan Mei sebanyak 350,644 saman telah dikeluarkan di bawah

Operasi Pacak. Jumlah kutipan denda atau kompaun yang berjaya dikutip pada tahun 1996 ialah RM133,907,911, manakala bagi tahun 1997 sehingga bulan Ogos sebanyak RM83,780,261 telah dikutip;

- (b) Jumlah keanggotaan polis trafik termasuk pegawai di seluruh Malaysia ialah seramai 4,848 orang. Terdapat beberapa masalah yang dikenalpasti dalam proses penyampaian saman iaitu apabila mereka yang disaman telah pindah alamat ataupun kenderaan tersebut menggunakan nombor pendaftaran palsu atau menggunakan nombor pendaftaran yang telah diubahsuai. Masalah ini telah dan sedang diatasi dengan kerjasama di antara Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu melalui proses penyelaraihitamkan yang terbukti iaitu menunjukkan satu proses yang berkesan.

Selain dari itu, kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Peguam Negara sedang dalam proses mengkaji untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta

Pengangkutan Jalan 1987 dan juga peraturan-peraturan yang tertentu supaya ia dapat dilaksana dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 9 dan 14 hingga 30 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan keatas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5,B.6,B.7,B.8,B.9,B.10,B.11
B.12 dan B.13 [Jadual] -
Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1998**

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan semula Bekalan-bekalan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu B.1 hingga B.13 dan P.7 dan P.8. Saya peringatkan bahawa setiap Ahli hendaklah berucap selama sepuluh minit. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Yan menyambung. Ahli Yang Berhormat ada tujuh minit lagi.

3.35 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertamanya, saya hendak ucap terima kasihlah setelah saya menyuarakan kelmarin, hari ini lampu saya menyala. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya, petik suis sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak, hari itu, saya raba atas suis tak ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kena raba sedikit ya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, petang kelmarin saya bercakap tentang kedudukan protokol Ahli-ahli Parlimen ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kadang-kadang kalau kita balik ke negeri, kedudukan kita ini kadang-kadang di bawah kedudukan tahap Penghulu. Saya biasa bersama dengan Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, bila makan dalam satu majlis itu kami ini duduk bersama dengan Penghulu. Bukanlah lekeh Penghulu itu Tuan Pengerusi, tetapi dia tak syok, tak manis dari segi protokolnya. Tuan Pengerusi sendiri, betul, saya biasa nampak dan saya pun biasa menyuarakan hal ini dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab itulah bila saya organised program di Kedah, Tuan Pengerusi balik saya letak Tuan Pengerusi di hadapan. Kerana saya tahu Tuan Pengerusi itu siapa.

Tuan Pengerusi: Ya, mutiara itu duduk di dalam lumpur pun bercahaya juga. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi, Tuan Pengerusi, bercahaya pun dia 'kelubuk' Tuan Pengerusi, jenuh hendak kena cuci dahulu.

Jadi, bukanlah maknanya Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat ini besar diri, bongkak - dak. Tuan Pengerusi, tetapi kalau begitulah pandangan setengah-setengah pegawai terhadap Ahli-ahli Dewan Rakyat ini, bermaknanya kita tidak akan dihormati oleh orang.

Saya sendiri, bukan saya hendak kira sangat, saya boleh pergi makan di kaki lima ataupun naik gerak tak kisah. Tetapi, bila sampai kepada jawatan kita itu perlu dihormati, kedudukan kita itu perlu dihormati, tetapi kalau diri kita sebagai Wakil Rakyat, kita kena merendah diri, orang Kedah kata, kena 'meronot' pi sampai ke akar umbi, yang itu kita dok buat. Kadang-kadang kita tidak hisap rokok daun pun, bungkus rokok daun, upak rokok daun hisap juga kerana apa, kerana kita hendak bersama dengan rakyat. Tetapi, bila mai tentang kedudukan dalam protokol kerajaan, kita kena pastikan Ahli-ahli Parlimen ini yang berada di tahap yang tertinggi dari segi perundangan negara kita ini perlu diberi tempat yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, bukannya ramai sangat, berapa orang. Ini termasuklah saya hendak bela dalam pembangkang samalah. Bukan

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Amboi! Sebut-sebut pembangkang bangkit terus.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kedudukan iaitu protokol, sedarkah Ahli Yang Berhormat dari Yan bahawa Ahli Parlimen dalam senarai protokol Perdana Menteri, dia tidak ada dalamnya dan jikalau Ahli Yang Berhormat meletakkan kereta di tempat letak VIP di lapangan terbang mungkin kena saman. Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat akan mencadangkan bahawa protokol Ahli Parlimen ditingkatkan lagi?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang saya dok bercakap ini kes inilah Yang Berhormat. Ha, Yang Berhormat tak faham lagi. *[Ketawa]* Saya dok bercakap kes inilah. Tetapi, sebenarnya budi bicara. Kadang-kadang saman macam 'Ops Pacak' apa semua ini, kadang-kadang Wakil Rakyat ini sibuk. Kadang-kadang kita di sini hendak kena 'tackle,' kadang-kadang hendak turun rumah, orang mai di rumah. Kemudian program kita dalam kawasan kata pukul berapa, orang dok tunggu, kita speed kena ekor. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, kena ekor, ekor lain kepala lain. Itu yang keluar kes traktor, motor kena saman.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tinggal berapa minit Tuan Pengerusi? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak tolong rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Yan. Adakah Yang

Berhormat sedar bahawa soal protokol ini adalah soal kerajaan negeri. Setiap negeri mempunyai definisi kekuasaan ataupun statusnya sendiri, adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri membawa hal ini kepada Majlis Raja-Raja supaya diseragamkan yang mana protokol itu menunjukkan kekuasaan kepada keseluruhan daripada Dewan Rakyat sehingga ke Penghulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu satu cadangan yang baik, Tuan Pengerusi dan saya kira patut dibawa oleh pihak berkenaan ke Mesyuarat Raja-Raja kerana kita hendak jaga Raja, lepas Raja siapa, lepas siapa, siapa; lepas itu turun Member of Parliament, lepas itu dan sebagainya, turun pergi kepada Tok Penghulu.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, amboi! *[Ketawa]* Ya.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan. Pada kebiasaannya, seorang Wakil Rakyat itu sama ada Ahli Dewan Undangan, Ahli Parlimen, EXCO, apabila dia seorang lelaki, kebiasaannya isterinya mendapat layanan terbaiklah sama ada di majlis mendapat tempat duduk yang baik-baik belaka.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Kadang-kadang penganugerahan pun bila suami dapat, isteri pun dapat. Tetapi, perkara ini tidak berlaku apabila seorang Wakil Rakyat itu sama ada ADUN atau Ahli

Parlimen itu seorang wanita. *[Ketawa]* Jadi, saya mintalah pandangan Ahli Yang Berhormat apakah agaknya sebab-sebab perkara ini berlaku?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, yang ini memang saya hendak bela dan kalau Ahli Yang Berhormat tak bangkitkan pun saya bela.

Tuan Pengerusi, tak adil, kadang-kadang saya dijemput. Saya bawa isteri saya, isteri saya duduk dengan saya, tetapi bila dijemput Wakil Rakyat wanita, suami dia duduk asing. Dialah duduk 'terkonteng-konteng' Tuan Pengerusi, jadi, nampak pelik. 'Terkonteng-konteng' - sorang-sorang. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Satu sahaja. Tuan Pengerusi, boleh atau tidak kita beri misalnya kalau Ahli Parlimen perempuan dapat Dato', suaminya dipanggil 'Datin'. *[Ketawa]* Boleh atau tidak?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, ini 'kue' karutlah ini. *[Ketawa]* Macam mana suami hendak dipanggil Datin, yang ini bahasa, terpaksa dia kena pakai kain ketat pula, yang dok ada besar-besar badan macam Ahli Yang Berhormat mana pinggang hendak beri ramping macam mana?

Tuan Pengerusi, jadi, kita kena pastikan, saya bersetuju sangat supaya bukanlah dari segi kedudukan, macam Tuan Pengerusi kata 'ular pun kalau

menyusur akar itu bukan hendak hilang bisa', tetapi dari segi maruah kita ini. Kadang-kadang menteri, timbalan menteri datang, dia tidak ada tempat di negeri. Jadi, negeri-negeri ini pun kena faham, kita Ahli Dewan Parlimen ini kita 'fight' peruntukan untuk keseluruhan negeri-negeri, macam saya, saya akan bercakap fasal negeri Kedah, minta peruntukan lebih itu dan ini. Dewan Negeri-negeri ini bersidang habis-habis kuat dua hari, kita bersidang berapa hari, tinggal anak isteri kerana perjuangan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, senangkah hendak tinggal anak isteri, rindu kepada anak, Tuhan sahaja yang tahu. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Rindu kat isteri?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Emak itu tuan-tuan fahamlah!
[Ketawa]

Tuan Pengerusi, jadi, saya berharaplah begitu juga berilah sedikit special kepada kita, macam kadang-kadang dari segi parking itu di airport kalau Ahli Yang Berhormat pergi tak apa, tetapi dia lihat muka pembangkang dia tidak berapa seronok, fasal dok bangkang. Hendak naikkan gaji polis pun dia bangkang. Jadi, mereka lihat pun tak seronoklah.

Tetapi, beri keistimewaan, bukannya kita minta sangat, Tuan Pengerusi, kalau kita hendak bandingkan sebagai Ahli Parlimen dengan pendapatannya, tak setara mana. Pegawai tinggi kerajaan pun tengok, Superscale E ini pun dapat lebih kurang kita juga. Hak kita hendak penaik elaun Timbalan Speaker pun kena bahas dalam Dewan Rakyat ini, lain kali jangan buat dah, penaik

sudahlah, malu kepada orang, hendak penaik RM1,000 bahas sampai naik urat tengkuk. *[Ketawa]* Pada hal bukan mudah duduk tang itu, upah saya, saya tak mahu duduk, hendak bercakap tak boleh, dok dengar orang bercakap sahaja. *[Ketawa]* Mana boleh tahan. Berjam-jam dok dengar orang bercakap, kita hendak bercakap tidak boleh, jadi pening.

Tuan Pengerusi, jadi, saya harap keistimewaan kena beri, berilah sedikit 'perks', ini kalau Tan Sri sudah tak pegang jawatan Pengerusi mana, tahan teksi pakai kot, tahan teksi fikirlah macam mana. *[Ketawa]* Hendak khabar Ahli Parlimen pun kita berasa segan. Tan Sri naik kapal terbang, saya biasa naik kapal terbang, maklum wakil rakyat kampung, duduk kelas ekonomi, student duduk di sebelah saya. Saya hendak khabar kepada dia, saya Ahli Parlimen - tak gamak. *[Ketawa]* Kawan itu student, duduk kelas ekonomi. Saya kena khabar, saya ini Ahli Parlimen ataupun 'I am a Member of Parliament,' tak gamak dia hendak percaya atau tak percaya sama banyak. Takkan Ahli Parlimen duduk kelas ekonomi, dia kata.

Tuan Pengerusi, jadi, hak ini kena fikir, berilah. Saya terima kasih kepada MAS beri 25%, ya atau tidak Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena? Saya minta 50% Tuan Pengerusi., discount 50% untuk kita hendak travel, jaga maruah. Maruah ini bukan boleh dibeli, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Pokok Sena.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Amboi, pantang sebut sahaja.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan, sekarang MAS beri kita 25%, yang saya faham si buta pun dapat 50%. Si buta yang pakai baju merah dok main muzik dekat Globe Silk Store, dia dapat 50% diskaun. Jadi, bagaimana kalau kita Ahli Parlimen bukanlah, *[Ketawa]* jadi, kalau boleh biarlah 50% sama banyak dengan si buta - senang! *[Ketawa]* Si buta ini pun kita pun kalau tak dapat jadi calon, harus pakai baju merah juga.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ingat MAS beri 50% kepada si buta fasal upah dia dok raba, Tuan Pengerusi. Dia kena meraba berjalan. Jadi, special discount. Cuma saya minta kepada Ahli Dewan Rakyat ini, kawan-kawan saya semua ini, kerajaan fikirlah sedikit, berilah benda-benda yang patut berpadan. Ini contoh, Tuan Pengerusi, kalaulah bekas guru, dia jadi guru besar, pendapatannya RM3,000, bila dia masuk jadi wakil rakyat, kalau Dewan Undangan Negeri lebih kurang RM3,000 lebih sedikit, tetapi hak RM3,000 dahulu dia share dengan anak isteri dia sahaja. Potong cooperative, potong itu, ini - cukup.

Kita dah jadi Ahli Yang Berhormat ini, orang ingat ada duit dah. RM3,000 lebih ini hendak kena share sekampung. *[Ketawa]* Kalau hak ini, ini hak DUN. Kalau Parlimen ini, satu kawasan Parlimen hendak difikirkan, kenduri kita bubuh RM10, kita beri envelope, dia sambar terus masuk poket atas. Kita hendak bubuh sekali, dia tahan tangan. Ini dia hendak kira hendak tengok wakil rakyat beri berapa duit. *[Ketawa]* Itu menikah kenduri, Tuan

Pengerusi, hak PIBG tak usah kira. Hak hendak beri budak-budak seronok masa tua masuk jawi pun kita kena beri juga. Ini cuti sekolah, berkat khatan ini, habuan coklat, kita lagi. Kalau tidak diberi, ini bakal pengundi kita. Bakal anak Wawasan 2020, beritahu wakil rakyat reput, kedekut. Tak beri pun kadang-kadang hendak masuk kawasan, tak ada duit dalam poket, tak berani langkah. Orang kata, wakil rakyat awat tak masuk kampung. Macam mana hendak masuk kalau duit tak ada dalam poket. Kalau habis-habis duit tak ada pun, RM100 itu kena ada dalam poket. Kalau tak ada vitamin itu, masuk kedai kopi angkat tangan sahaja, tak jadi, kena maki lagi. Allah, teras angkat tangan sahaja, orang yang pergi ke laut itu pun boleh angkat. *[Ketawa]*

Jadi, hak inilah saya minta kerajaan sekarang ini barang-barang pun naik, wakil rakyat ini Tuan Pengerusi, lebih kurang macam cerita P. Ramlee, bibir mesra jiwa parah. Bibir cukup mesra, jiwa parah, Tuhan sahaja yang tahu. Sebab itulah saya kira kebanyakan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ini kita berkhidmat kerana Allah, kalau kerana 'syoru' tak boleh pergi. Mana dengan pemilihan, mai mesyuarat bahagian, bukan hang hendak 'daih' aku, aku hendak 'daih' hang. Hak itu pun modal juga Tuan Pengerusi, kan. Pening!

Tetapi, saya haraplah kerajaan tolong tengok sedikitlah, penaik sedikit sebanyak yang mana patut padan. Macam Tan Sri tak apalah. Tan Sri makan tak banyak. *[Ketawa]* Tetapi, kedudukan Tan Sri itu, kena setaraf. Bila Tan

Sri pergi ke luar negeri depa kena beri special. Speaker Dewan Parlimen Malaysia, kita kena jaga, bubuh bendera ini dia, berkibar kereta Malaysia.

Tuan Pengerusi, kita kena jaga, saya mahu orang hormat, dalam Dewan Rakyat ini kena hormat Speaker sebagai orang besar, sebagai orang yang hendak menentukan ini sama ada menang atau kalah, siapa dengar suara banyak, suara sedikit dalam Dewan Rakyat ini, yang ini kuasa Tan Sri.

Jadi, depa kena jagalah Tan Sri, kena ada pengikut. Ini saya nampak Tan Sri fasal apa tak ada bodyguard? Kalau kutu sekat kidnap Tan Sri macam mana? *[Ketawa]* Kalau timbalan menteri, menteri ada bodyguard, fasal apa Speaker tak ada bodyguard?

Seorang Ahli: Ada!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ada? Seorang sahaja, kena dua! *[Ketawa]* Fasal baru ini, saya tengok Tan Sri naik kapal terbang balik Kedah, Tan Sri dengan Puan Sri sahaja, bodyguard tak ada. Nasib baik saya ada! *[Ketawa]* Bodyguard tinggal agaknya!

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukuplah itu ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Last sekali Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, *Hansard* ini saya terima bertarikh 28 Oktober 1997. Saya faham, saya tak mahu salahkan pihak ini kerana pegawai tak cukup.

Tuan Pengerusi, kita minta kerajaan, JPA penaiklah gaji puak-puak ini sedikit. Tambah pegawai, kadang-kadang pegawai dia tak mahu datang fasal gaji tak cukup. Bayar tambang bas Intrakota pun tak cukup, dia kata hendak datang ke Parlimen bas bukan masuk datang ke sini, hendak berjalan kaki naik dari sana ingat senangkah. Penaiklah sedikit gaji, jadi, ini *Hansard* 28 Oktober, macam mana saya hendak dan check, Tuan Pengerusi. Daripada 11 orang tinggal dua orang, Tuan Pengerusi. Jenuh puak ini, kalau hak ini lari dua-dua, Tuan Pengerusi, takkan Speaker hendak buat kerja ini.

Jadi, saya harap JPA ini kena faham lah, pegawai-pegawai banyak hak ini, tolong sedikit ini, sekarang ini bertanggungjawab kepada rakyat ini. Sakni balik rakyat marah - kacau! Bila kita tak fight naik bonus, tuan-tuan juga susah, ini yang dok naik bonus ini kerana kita Tuan Pengerusi, ini diperturunkan balik ini kerana kita diperturunkan harga road tax apa semua ini.

Cuma, saya haraplah minta sedikit keistimewaan kepada Kementerian Dalam Negeri, kalau wakil-wakil rakyat ini kenalah denda fasal 'speed trap' dan sebagainya, bukan apa, kerana kita ini mengejar masa. Bukan kejar kerana seronok, tidak, kerana masa. Kita buat kerja siang malam, pagi petang untuk rakyat. Jadi, kita mintalah

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Masa cukup.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup. Yang Berhormat, sila habiskan ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak, ini saya hendak bela wakil rakyat pun depa marah Tuan Pengerusi. Sabar Tuan Pengerusi, saya dengan Tan Sri ini kata apa pun tak apa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Kubang Kerian.

3.50 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Hal Ehwal Parlimen - B.1. Saya bersetuju penuh dengan Ahli Yang Berhormat dari Yan tadi iaitu masalah pentadbiran Parlimen kita, kita sebut setiap kali tetapi tidak ada improve. *Hansard* sekarang sudah seminggu menyebabkan kita tidak tahu apa yang dibahaskan kelmarin, yang meninggalkan Parlimen lebih awal ataupun orang yang tak datang hendak check dua hari lalu apa yang berlaku pun tak dapat lagi. Jadi, perkara ini kita harap ambil perhatian sungguh. Kami dalam PAC selalunya bermesyuarat di antaranya kita menegur jabatan-jabatan lain kerana masalah kekurangan pegawai, masalah kelambatan mereka bekerja. Tetapi bagaimana kami dari PAC hendak tegur jabatan lain, sedangkan di Parlimen sendiri keadaan kita makin hari makin teruk dan sekarang pula staf yang ada dua, tiga orang itu, seorang hendak bersalin, akan tinggal dua orang sahaja. Barangkali selepas ini, *Hansard* kita dua minggu baru kita dapat. Bukan lagi *Hansard* cerita yang

kelmarin, tetapi sudah jadi buku sejarah yang kita dapat sekarang ini. Kita harap sungguh-sungguh perkara ini diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, B.10 - Peguam Negara. Sekali lagi kita mengambil perhatian bahawa bila seseorang itu menulis surat yang berbentuk layang tetapi telah diketahui orang yang menulis itu, pihak kerajaan mesti mendakwa terutama orang yang menulis itu berwibawa. Saya ulang lagi sekali supaya berlaku pendakwaan terhadap Syed Ahmad Aidid yang menulis, menceritakan tentang perihal penyelewengan dalam Jabatan Kehakiman dan perangai hakim-hakim, sebab kita yang hendak menghadapi kes-kes mahkamah sekarang, kita pergi bukan masalah kita hendak hadapi kes itu keputusannya kita menang atau kalah, tetapi bila kita baca surat Syed Ahmad Aidid itu kita jadi ragu hendak pergi ke mahkamah sekarang, sebab kita melihat sahaja hakim, kita sudah merasa suatu perkara. Oleh sebab itu, kita harap kerajaan hendak memulihkan kepercayaan rakyat, kepercayaan dunia asing kepada sistem kehakiman di Malaysia, saya merayu sekali lagi supaya dakwa dan buktikan apa yang ditulis oleh Syed Ahmad Aidid itu palsu. Kalau ianya benar, kita yang selalu tambah-tambah orang politik, selalu turun naik mahkamah ini, disaman soal cakap, disaman kerana masalah perniagaan kalau orang yang berniaga, disaman dalam masalah-masalah yang lain. Jadi, kita menjadi gerun bila hendak pergi ke mahkamah.

Sebab itu, kita harap bila orang yang menulis itu orang yang ternama, melainkanlah surat layang biasa, kita tidak ambil perhatian dan kita harap

Jabatan Peguam Negara mengambil perkara ini sungguh-sungguh untuk memulihkan keyakinan rakyat, keyakinan di peringkat antarabangsa terhadap sistem kehakiman di Malaysia.

Begitulah juga surat terbuka terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana ada nama, ada orang yang membuatnya terlibat pula isteri menteri, isteri Tan Sri mesti orang yang menulis itu didakwa di mahkamah atau mengambil tindakan memulihkan keyakinan orang ramai terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sekarang tak apa. Sekarang tidak ada apa-apa, tetapi menjelang Perhimpunan Agung ianya akan digunakan, surat terbuka itu sekali lagi dan sekarang ini pun digunakan memang dalam Parlimen tidak dicakapkan, di kantin, di luar-luar sedang disebut perkara ini. Sebab itu, kita harap orang yang membuat pengakuan misalnya Azizan Abu Bakar, mesti dia itu didakwa membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri benar-benar bersih untuk menjadi Perdana Menteri kita.

Begitulah juga yang terlibat, yang menulis, merangka surat terbuka itu termasuk isteri seorang menteri di depan ini yang namanya disebut, mesti dibersihkan sungguh-sungguh, bukan setakat bersihkan dengan cara yang tidak meyakinkan, terutama sekali menjelang pemilihan tahun depan dan tahun 1999, walauun ianya berlaku dalam UMNO tetapi UMNO buat masa sekarang masih memerintah negara. Kami tak nampaklah masa dekat ini PAS boleh ambil alih.

[Ketawa] Tetapi, masih UMNO, kita kena akui itu.

Jadi, bila pemilihan itu dan bersangkutan-pautlah dengan maruah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mesti pihak kerajaan mengambil tindakan yang tegas dalam perkara itu terutama sekali surat yang ditulis, surat sumpah Azizan Abu Bakar, ini amat penting untuk diambil tindakan terhadap pengakuannya yang berlaku terhadap beliau, kononnya dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ini satu perkara yang cukup berat, kalau digunakan dalam kempen memburukkan Timbalan Perdana Menteri sekarang ataupun pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, seterusnya, soal B.7 iaitu jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, kerajaan ada membentuk 'task force' yang terdiri daripada KDN, Polis, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, JAIS, JAKIM dan lain-lain lagi untuk menangani masalah ajaran sesat ataupun ajaran yang menyeleweng daripada agama Islam. Kemudian pula, Mahkamah Syariah sekarang makin dipertingkatkan disudut denda dan sebagainya, Mahkamah Syariah sekarang boleh mendenda seseorang itu sehingga RM5,000 ataupun memenjarakan, ini peningkatan hukuman yang diberi oleh kerajaan kepada Mahkamah Syariah untuk memperkemaskan Mahkamah Syariah dan pentadbiran Mahkamah Syariah. Tetapi, kenapa misalnya orang yang disyaki terlibat dalam ajaran sesat ditangkap di bawah ISA.

Hari ini saya mendapat khabar lima orang ditahan di bawah ISA, di antaranya satu daripada Kedah, satu daripada Pulau Pinang, dua daripada

Kelantan dan satu Pahang, kalau tidak silap saya sekarang ini baru ditahan lebih kurang tiga hari dan paling akhir semalam ditangkap lagi dan tidak diisytiharkan dalam akhbar penangkapan mereka ini atas apa.

Kalaulah mereka ini dituduh terlibat dalam ajaran sesat atau ajaran yang menyeleweng, kenapa tidak menggunakan task force yang dibentuk oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menghadapi mereka dan kalau didapati ajaran yang mereka anut itu menyeleweng, dakwa sahaja mereka di Mahkamah-mahkamah Syariah.

Sepatutnya Malaysia yang sudah menjadi juara di dunia sekarang ini, seperti juga Afrika Selatan yang telah menghapuskan ISA, sepatutnya kita tak usah gunalah ISA ini, gunalah undang-undang yang lain sebab orang yang telah mengalami tahanan di bawah ISA, kalau boleh dia tidak mahu ulang langsung, cukup teruk menghadapi soal siasat 60 hari dalam tahanan ISA itu.

Kenapa kerajaan masih menggunakan ISA sedangkan Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Parlimennya mengaku hari itu sudah ada 'task force' untuk menghadapi mereka ini, untuk berdialog ataupun untuk memberi tunjuk ajar kepada mereka dan kalau mereka menyeleweng juga, dakwa mereka di Mahkamah Syariah. Tetapi apa yang kita lihat, penggunaan ISA ini secara terus berjalan dan ini kita lihat membimbangkan rakyat dan juga imej Malaysia di peringkat antarabangsa tidak dapat dipulihkan sebab peringkat antarabangsa sekarang memang ISA ini mereka nampak undang-undang yang tak baik, yang terlalu 'paria' setengah-setengah menganggap begitu.

Oleh itu, kita yang hendak muncul dan memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah muncul di peringkat antarabangsa sekarang ini dan kita parti pembangkang pun turut berbangga terhadap kemunculan Perdana Menteri ini dan bersihkan lagi imej Malaysia supaya tidak menggunakan ISA dalam apa bidang sekali pun kerana undang-undang negara kita semakin ketat, enakmen semakin banyak dan dakwalah seseorang itu yang kita anggap menyeleweng dan sebagainya ancam keselamatan negara di mahkamah terbuka, sama ada mahkamah yang ada sekarang ataupun Mahkamah Syariah yang kita lihat begitu dipertingkatkan dan kuasa Mahkamah Syariah sekarang semakin dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu BPR yang kita telah lulus undang-undang ini di Parlimen, yang kita harap sungguh-sungguh BPR ini yang mendapat kuasa supaya betul-betul bertindak kepada sesiapa dan kita tidak mahu lagi bila satu-satu kajian dibuat oleh pihak antarabangsa masih meletakkan Malaysia di antara negara rasuah yang tinggi, daripada nombor 23 melambung ke nombor 36, sedangkan kita melihat tindakan-tindakan daripada BPR tidaklah sedemikian rupa, walaupun jawapan-jawapan yang akan diberi, ianya baru mendapat kuasa tetapi saya masih berpegang kepada bekas Pengarah BPR iaitu Tan Sri Harun Hashim yang menjadi pensyarah Fakulti Undang-undang UIA sekarang mengatakan undang-undang yang lama pun cukup untuk menangkap jerung tambah lagi undang-undang yang baru sudah tentu lebih

cukup untuk menangkap. Yang kita bimbangkan tidak ada kesungguhan pihak kerajaan untuk bertindak.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bagan.

4.00 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh B.4 - Suruhanjaya Pilihan Raya.

Tuan Pengerusi, pada setiap kali ada pilihan raya kecil, ada pilihan raya umum, parti-parti yang bertanding perlu menyediakan kad-kad yang perlu dihantar kepada pengundi di mana kad ini ada mencatatkan nama, nombor siri dalam buku pendaftaran pemilih dan tempat atau pusat mengundi.

Kepada Barisan Nasional, ini senang sahaja diuruskan kerana mereka ada banyak tenaga manusia dan juga sumber kewangan, tetapi bagi pembangkang dan calon Bebas, ini sukar dijalankan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat sama ada penghantaran kad-kad yang mencatatkan nama dan tempat mengundi ini, adakah wujud dalam undang-undang ataupun arahan Suruhanjaya Pilihan Raya. Kalau tidak ada sebab benda itu, apa disebutkan di sini?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya tidak faham sebagai seorang Timbalan Menteri, beliau menanyakan apa sebab ia disebutkan dalam perkara ini, ini berlaku, ini suatu realiti yang selalu dilakukan dalam satu-satu pilihan raya kecil ataupun umum dan di sini sebelum saya habis ucapan saya, tujuan saya membangkitkan perkara ini ialah kerana hendak mendesak, meminta Suruhanjaya Pilihan Raya supaya menjalankan tugas ini.

Jikalau saya tidak menerima apa-apa kad, saya tidak tahu sama ada saya layak untuk pergi mengundi dan juga saya tidak tahu pusat tempat saya mengundi, mungkin pada tarikh yang lepas saya mengundi di sekolah ini, tetapi jikalau saya pergi ke sekolah yang sama itu mungkin saya akan berpindah kepada sekolah yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Sebab itulah parti-parti yang mengambil bahagian dalam pilihan raya umum atau kecil ini memerlukan satu penghantaran kad ini supaya pemilih tahu di mana beliau kena pergi untuk mengundi. Dalam perkara ini seperti apa yang saya katakan tadi, bahawa kami tidak upaya untuk menjalankan tugas ini. Dan di sini, untuk mengelakkan segala kerumitan dan juga meringankan beban parti-parti termasuk Barisan Nasional juga supaya Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mengambil tugas ini sebelum satu-satu pilihan raya umum atau kecil dihantar kad-kad mengandungi nama, alamat, nombor siri dan juga pusat pemilih kepada pemilih-pemilih baik melalui pos, baik melalui tangan dan

perkara ini dapat diselesaikan tanpa menyebabkan banyak beban kepada parti-parti yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dalam satu-satu pilihan raya kecil atau umum nampaknya pegawai-pegawai kerajaan turut terlibat dalam kempen, misalnya saya boleh ambil Jabatan Penerangan bukan saya menyentuh Jabatan Penerangan sahaja sebab ia bukan dalam perbahasan hari ini, tetapi ini mengenai peruntukan atau undang-undang pilihan raya kecil atau pilihan raya umum. Tidak bolehkah jentera kerajaan dilarang sama sekali untuk menjalankan kempen-kempen. Jabatan Penerangan khasnya nampaknya menjalankan kempen-kempen di kawasan pilihan raya kecil seperti sekarang yang ada di Sungai Bakap.

Mereka menghantarkan van Jabatan Penerangan dengan kelengkapan PA system dan juga menganjurkan perhimpunan-perhimpunan, upacara-upacara dan ini semata-mata untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional naik ke pentas untuk berucap dan apabila mereka berucap, tak lain daripada kempen pilihan raya. Ini adalah satu tindakan yang tidak sihat, tidak adil dalam satu-satu pilihan raya yang dijalankan sepatutnya dijalankan dalam keadaan yang adil dan saksama baik kepada parti pembangkang atau parti pemerintah.

Tuan Pengerusi, juga mengapa menteri, timbalan menteri, EXCO Negeri dan juga setiausaha parlimen, mereka pergi ke kawasan dengan kenderaan rasmi juga dan tugas mereka juga pergi berkempen. Seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri khasnya Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan

Koperasi di mana dia sekarang. Dia terus ada di sana di kawasan pilihan raya kecil Sungai Bakap kerana dia adalah seorang Ahli Parlimen kawasan Nibong Tebal dan dia juga Director of Operation, dia tak datang sama sekali ke Dewan ini, dia terus ada di sana, siang malam ada di sana dengan kereta rasminya. Siapa bayar overtime kepada pemandunya kerana menjalankan pilihan raya kecil di kawasan sana.

Ini tidak menjalankan tugas sebagai seorang Timbalan Menteri mentadbirkan kementeriannya, tidak menjaga persidangan Dewan Rakyat pada masa sidang, tetapi berkempen di sana siang malam. Ini adalah satu tindakan di mana Suruhanjaya Pilihan Raya boleh meneliti sama ada hendak mengadakan satu sistem yang adil dan saksama dalam satu pilihan raya di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, borang pencalonan juga. Dalam borang pencalonan sering berlaku kesilapan sehingga seseorang bakal calon boleh hilang kelayakan untuk bertanding. Bukankah seseorang bakal calon, bila dia masuk ke pusat penamaan, beliau akan mengemukakan borang pencalonan sebelum tamat masa diserahkan borang itu dan pegawai pilihan raya ada masa yang panjang untuk meneliti kandungan borang pencalonan dan tugas, tanggungjawab pegawai ini bukan semata-mata ditugaskan untuk mencari kesilapan atau kesalahan dalam apa yang diisikan itu. Sebenarnya pegawai yang bertugas perlu mencari atau menyemak isi kandungan atau apa-apa yang diisikan dalam borang pencalonan itu, jikalau terdapat apa-apa kesilapan, beliau ada masa dan

ada juga tanggungjawab untuk memberitahu bakal calon itu bahawa kesilapan itu kena ditandatangani atau kena ditulis sekali lagi.

Seperti apa yang telah berlaku di Petaling Jaya, di mana calon kami telah hilang kelayakan kerana tidak menandatangani satu borang sahaja dalam dua borang. Satu borang sahaja tidak ditandatangani, apa tugas pegawai pilihan raya kecil di sana, hendak memerangkap atau hendak mencari kesalahan orang-orang atau beliau ditugaskan di sana untuk membantu supaya bakal calon dapat dilayakkan untuk bertanding.

Tuan Pengerusi, jadi, saya agaklah negara kita sebuah negara yang memasuki satu era yang baru, kita telah merdeka 40 tahun dan kerap kali ada menjalankan pilihan raya kecil atau pilihan raya umum dan satu sistem pilihan raya perlu dijalankan dengan saksama, satu sistem yang sihat dijalankan supaya semua calon baik dari pembangkang, baik dari parti pemerintah atau untuk pihak Bebas dapat bertanding dalam suatu suasana yang adil dan saksama untuk memberi rakyat memilih seorang wakil mereka untuk mewakili mereka dalam Dewan Undangan atau dalam Dewan Rakyat ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong.

4.10 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya sebut mengenai Jabatan Perdana Menteri.

Saya sungguh prihatin tentang arus dan pembangunan politik di Malaysia kebelakangan ini khasnya cubaan sesetengah pihak yang diserlahkan oleh sesetengah ucapan para Ahli Parlimen Barisan Nasional dalam perbahasan Belanjawan mereka yang pada suatu masa dahulu apabila wujudnya dakwaan bahawa muncul komplot antarabangsa untuk menumbangkan Perdana Menteri Malaysia mengkehendaki sokongan sepenuhnya diberikan kepada Perdana Menteri tanpa membenarkan sebarang ruang untuk kritikan serta pandangan yang berbeza.

Biarlah saya umumkan di sini bahawa sebarang cadangan mengatakan negara ini tidak boleh mengizinkan walau sedikit pun demokrasi yang terhad wujud dan sebaliknya memerlukan undang-undang menekan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Rahsia Rasmi, Akta Polis, Akta Mesin Cetak serta Akta Hasutan dan semuanya harus dilaksanakan seberat-berat yang mungkin, pada ketika negara menghadapi krisis ekonomi. Cadangan seperti semua ini sebenarnya hanya akan memudaratkan Perdana Menteri ataupun Malaysia dan tidak akan memberi sumbangan terhadap matlamat pembinaan negara untuk mencipta bangsa Malaysia mengikut Wawasan 2020.

Minggu yang lepas, para tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mengingati Ulang Tahun Kesepuluh Operasi Lalang di mana lebih dari 100 rakyat Malaysia, termasuk 16 pemimpin DAP dan Ahli Parlimen telah ditahan hasil dari perebutan kuasa yang berlaku dalam UMNO sendiri dan apa

yang paling merisaukan adalah bilakah akan berlakunya Operasi Lalang yang kedua.

Kini kerajaan telah menahan lapan orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan ia telah melayan para Ahli Parlimen dengan cara yang paling menghinakan dengan tidak memberitahu Parlimen siapakah mereka yang ditahan dan atas alasan apakah tindakan menahan dilakukan. Saya hanya mendapat nama tiga orang yang terlibat iaitu Ustaz Abdullah Hassan, dipercayai seorang aktivis PAS dari Pendang, Kedah; Encik Paharuddin Mustapha, bekas aktivis PRM dari Bukit Mertajam dan Kamarulzaman Ismail dari Muar, Johor.

Adakah kelapan-lapan penahanan ISA ini merupakan pendahuluan kepada penangkapan besar-besaran sekali lagi mereka yang dianggap oleh Barisan Nasional sebagai pembangkang dan decent.

Saya mesti memberikan amaran kepada kerajaan bahawa pada akhir bulan Ogos ini, ia pernah mengugut hendak menggunakan ISA untuk menahan para penulis, penganalisa kewangan serta para penyelidik yang telah menulis apa yang dihuraikannya sebagai laporan yang buruk mengenai ekonomi Malaysia mengenai Ringgit Malaysia serta pasaran saham yang menjunam ke tahap paling rendah terbaru - yang menandakan tahap keyakinan yang paling rendah para pelabur terhadap negara ini.

Adakah keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini untuk menghalang para ahli akademik dari institusi-institusi pendidikan tinggi dari mengeluarkan

pelbagai kenyataan negatif mengenai alam sekitar jerebu atas alasan komen-komen mereka mengenai jerebu telah dimanipulasikan oleh media asing untuk memburukkan imej negara, merupakan satu lagi indikasi bahawa pencabulan hak asasi manusia akan berlaku secara besar-besaran tidak lama lagi dan bahawa demokrasi di Malaysia akan melalui satu lagi 'Dark Age'.

Adalah sungguh memeranjatkan bahawa jerebu dan isu-isu penurunan kualiti alam sekitar telah menjadi isu-isu sensitif di mana para ahli akademik dan kemudiannya mungkin termasuk para Ahli Parlimen, pihak pembangkang serta media massa Malaysia, semuanya akan dihalang dari mengemukakan pandangan mereka secara terbuka - kerana takut dimanipulasikan oleh media asing untuk merosakkan imej negara.

Kerajaan bukan sahaja gagal mempelajari dari pengajaran bencana jerebu kebangsaan 1997 - yang sebenarnya merupakan mala petaka alam sekitar global, tetapi tidak juga mahu melihat rakyat Malaysia menyedari dan prihatin tentang isu-isu alam sekitar dengan cuba mencegah isu-isu alam sekitar dari menjadi isu utama yang perlu diambil berat oleh semua parti politik serta rakyat Malaysia.

Disebabkan oleh sikap yang tidak masuk akal ini, maka dalam pilihan raya kecil yang sedang berlangsung kini, pandangan berbeza dan kritikan-kritikan turut dianggap sebagai sesuatu yang tidak harus wujud. Apa yang saya ingin tanya adalah sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyetujui bahawa pilihan raya kecil Sungai Bakap ditukarkan menjadi suatu

ujian keyakinan terhadap dirinya sebagai Perdana Menteri untuk disaksikan oleh dunia antarabangsa.

Pilihan raya kecil Sungai Bakap sebenarnya hanya merupakan suatu pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tetapi apabila ia ditukarkan menjadi satu ujian keyakinan terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir supaya meneruskan ataupun meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, maka ia dengan segeranya akan menjadikan pilihan raya kecil Sungai Bakap ini bukan sahaja tumpuan kebangsaan, malah tumpuan sedunia.

Tindakan menukarkan pilihan raya kecil Sungai Bakap ini menjadi satu ujian keyakinan terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri sebenarnya merupakan suatu keputusan politik yang paling bodoh, melainkan jika Gerakan dan Barisan Nasional memang berkeyakinan penuh bukan sahaja akan menang dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap, tetapi juga akan dapat memperbaiki undi majoriti asal iaitu 5,327 Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 1995.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bangkitkan soal bersabit dengan pilihan raya kecil yang akan berlangsung tak lama lagi. Saya rasa ini sepatutnya cakap dasar Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat dibenarkan menyentuh SPR, tetapi nampaknya ini bukan bersabit

dengan tanggungjawab ataupun apa-apa masalah yang ada pada SPR, ini politik kepartian Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mengenai kedudukan jawatan Perdana Menteri dan ini sepenuhnya mengenai Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Di bawah Butiran yang ke berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Perdana Menteri?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Kalau rakyat tidak ada kepercayaan, dunia tidak ada kepercayaan kepada Perdana Menteri, mana ada lagi jawatan Perdana Menteri. Itulah mengenai Perdana Menteri. Ini adalah kerana walaupun satu undi kurang dari majoriti 5,327 asal, keputusan itu akan dianggap sebagai kegagalan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir dan seterusnya akan membolehkan media asing menulis laporan-laporan kononnya Dato' Seri Dr. Mahathir telah kehilangan sokongan dan keyakinan rakyat negara ini.

Saya mengaku bahawa Gerakan akan menang dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap kerana saya tidak nampak wujudnya kemungkinan untuk berlakunya gempa bumi politik skala richter 7 di dalam pilihan raya kecil ini yang mana merupakan tahap gegaran politik sekiranya DAP menang dalam kawasan selamat Barisan Nasional. Bagaimanapun, pemimpin Barisan Nasional yang paling optimistik pun kena mengakui bahawa majoriti Gerakan sebanyak 5,327 dalam tahun 1995 sudah tentu akan dikurangkan dalam pilihan

raya kecil ini sama ada berkurang menjadi 3,000, 2,000, 1,000 ataupun 500 yang dengan sendirinya sudah merupakan gempa bumi skala richter 6.

Dalam keadaan sebegini mengapakah pilihan raya kecil Sungai Bakap hendak ditukar menjadi ujian keyakinan terhadap kebangsaan serta antarabangsa untuk Dato' Seri Dr. Mahathir dalam menentukan sama ada beliau harus terus menjadi Perdana Menteri ataupun meletak jawatan memandangkan dengan kurangnya satu undi majoriti dari majoriti asal akan dilihat sebagai tanda kegagalan Dato' Seri Dr. Mahathir dalam ujian keyakinan ini. Ini merupakan situasi tanpa menang atau 'no win situation' untuk Dato' Seri Dr. Mahathir dan hanya akan 'embarrass' Dato' Seri Dr. Mahathir serta Malaysia.

Kita telah mendengar banyak seruan kepada rakyat Malaysia supaya menunjukkan rasa sayang mereka terhadap negara ini serta Perdana Menteri dalam masa krisis ini. Biar saya nyatakan di sini secara terus bahawa Presiden Gerakan dan Gerakan sebenarnya langsung tidak menunjukkan sebarang rasa sayang terhadap negara dan Perdana Menteri kerana untuk tujuan menang dalam satu pilihan raya kecil, mereka bersedia meletakkan Dato' Seri Dr. Mahathir ke satu situasi yang tanpa menang, tak boleh menang dan mendedahkannya kepada 'embarassment' yang besar kerana beliau tentu akan gagal dalam ujian keyakinan di Sungai Bakap kali melainkan Presiden Gerakan dan pemimpin Gerakan dapat mendakwa bahawa mereka penuh keyakinan bahawa bukan sahaja majoriti 5,327 ini akan dikekalkan, malah ditambah lagi

dalam pilihan raya kecil ini. Kalau begitu, saya akan ucap syabas, tidak ada apa-apa yang boleh dikatakan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Gulung?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Baru lima minit!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, sepuluh minit Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ada sepuluh minit?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, sebenarnya Yang Berhormat kenalah faham, yang ini diumumkan tadi, takkan Yang Berhormat tak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, itu demokrasi Malaysia, ala Barisan Nasional selepas 1995.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Itu terpulang kepada Yang Berhormat, tetapi

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, lebih buruk lagi Gerakan kini meningkatkan politik ugutannya di pilihan raya kecil Sungai Bakap bermula dengan memberi amaran kepada para pengundi bahawa keputusan pengundian mereka akan memutuskan sama ada Dato' Seri Dr. Mahathir harus terus menjadi Perdana Menteri atau harus meletak jawatan dan menjadi amaran bahawa keputusan para pengundi akan memutuskan sama ada ekonomi

Malaysia akan runtuh sama sekali. Demi memastikan bahawa Gerakan akan menang di dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap, Jemaah Menteri telah mengambil langkah yang tidak pernah diambilnya selama 40 tahun ini iaitu mengkaji semula cadangan-cadangan Belanjawan 1998.

Kita mengalu-alukan semua itu yang diumumkan semalam dan tentulah sekiranya bukan kerana pilihan raya kecil Sungai Bakap, semua ini tidak akan berlaku. Maka kita boleh menganggap semua ini sebagai kejayaan rakyat Sungai Bakap. Sungguhpun begitu kita sangat kesal bahawa bayaran-bayaran pasport tidak diturunkan sama sekali walaupun telah bertambah 500% dan 600% untuk kenaikan ini.

Saya rasa sungguh sedih dan malang bahawa ada juga orang yang bersedia mengancam para pengundi di Sungai Bakap bahawa satu undi untuk DAP akan bererti satu undi tidak berkeyakinan untuk Dato' Seri Dr. Mahathir, sungguhpun apa yang mereka undi adalah menentang barang naik. Jika dalam sebuah negara demokratik, pengundi tidak berhak mengundi menentang barang naik, maka apa ertinya untuk adakan pilihan raya lagi. Sama ada Dato' Seri Dr. Mahathir mendapat keyakinan rakyat untuk terus menjadi Perdana Menteri negara ini, langsung bukan satu isu di pilihan raya kecil Sungai Bakap dan ia tidak harus dibenarkan menjadi satu isu. Sebenarnya, saya telah mencadangkan bahawa untuk mengelakkan situasi di mana Dato' Seri Dr. Mahathir dimalukan, embarass dalam keadaan yang 'no win situation', di mana dengan kekurangan satu undi majoriti kepada Gerakan akan dieksploitasikan oleh media asing

sebagai Perdana Menteri kehilangan sokongan dan keyakinan rakyat negara ini, maka keempat-empat calon dalam Sungai Bakap harus membuat perisytiharan terbuka bersama bahawa pilihan raya kecil ini tidak ada kena-mengena dengan keyakinan rakyat terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya gulung?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tadi sudah beri peluang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi lima minit sahaja. Saya gulungkan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Okay. Adalah sungguh aneh sekali bahawa pihak yang menentang perisytiharan terbuka sebegini adalah Gerakan sendiri dan ini telah membongkarkan sikap parti berkenaan yang opportunistic, tidak bertanggungjawab bersedia untuk menggadaikan kredibiliti dan kedudukan antarabangsa Perdana Menteri negara ini demi memancing undi untuk calon Gerakan.

Sebenarnya, adakah itu sudah sepuluh minit? Adakah sepuluh minit ini ditetapkan?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi, itu dikekalkan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Allright. Sebenarnya, saya ada lima point, saya gulung, saya summarize satu point sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak. Yang Berhormat, saya rasa kelonggaran telah pun diberi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu quote Dato' Seri Dr. Mahathir sahaja. Okay? Saya mahu quote Dato' Seri Dr. Mahathir supaya kita faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat. Sama ada Yang Berhormat hendak petik ucapan siapa pun, itu tetap tidak

Tuan Lim Kit Siang: Sepuluh minit, apa erti sepuluh minit debate dalam Dewan ini? Bukannya malu. Itu hari sembilan hari jadi lapan hari ...
...[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Inilah apa yang berlaku, saya minta untuk quote itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tertib Yang Berhormat! Nanti dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu quote Dato' Seri Dr. Mahathir sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta saya mahu menggulung.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya tak kisah petikan siapa pun saya tak kisah. Ini saya rasa saya kena tegaskan walaupun tadi saya sudah memberitahu dan ini saya tidak akan beri peluang lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ini malulah!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu melaksanakan, menguatkuasakan, ini pun malu!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Ini pun malu, sepuluh minit, apa Parliament, ten minutes Parliament!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Gelagat Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Ini perlu gelagat ini. Oleh[*Pembesar suara dimatikan*] ... kita mahu negara tahu, kita mahu dunia tahu apa cara demokrasi ini? Sepuluh minit. Mana ada sepuluh minit? Ten minutes democracy.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, okay!

Tuan Lim Kit Siang: Apa ten minutes democracy?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat berdegil-degilan

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu bantah ini tidak adil!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat hendak ambil kesempatan, hendak buat urusan yang lain, silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini ten minutes, malulah! Semua boleh bersetuju, apa Ahli Parlimen? Mana ada maruah?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukup! Kalau tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bersetuju! Jika begini buat pindaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bertindak liar, saya kena bertindak!

Tuan Lim Kit Siang: Ini malulah, ten minutes Parliament, apa ini?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Gelagat Yang Berhormat cukup memalukan! Ya Pokok Sena.

4.25 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bersetuju sepuluh minit sebab saya hendak bercakap dalam sembilan minit setengah sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, memanglah Ketua Pembangkang ini dia tidak boleh tengok Tuan Pengerusi, tadi masa Tan Sri Dato' Mohamed Zahir, dia tak masuk pun. Bila Tuan Pengerusi masuk, dia sengaja masuk cari fasal. Ini kita faham. Kita cukup faham. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Mungkin dia minat saya Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ya, dia cukup minat! *[Ketawa]* Dia cukup minat dengan Tuan Pengerusi.

Saya hairan kenapa dia bangkitkan kisah, bila dia tidak boleh menang di Sungai Bakap dia hendak kira, hendak mengurangkan satu undi untuk menunjukkan kepercayaan kepada Perdana Menteri. Mana boleh? Kita

demokrasi, satu undi pun cukup. Satu undi pun menang, kita menanglah kepercayaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan bahawa sebenarnya saya sudah buat keputusan tadi dan itu politik kepartian, tak kena-mengena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay, Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap mengenai B.7. Pertama sekali, saya hendak bercakap, hendak sokong kawan-kawan saya tentang *Hansard* ini. Hari ini kita dapat memang pada 28 Oktober. Saya selalu berharap kepada *Hansard* ini untuk hendak melihat apa pembangkang kata, misalnya kalau dia bercakap semalam, saya hendak balas balik hari ini, saya tengok *Hansard*. Ini 28 Oktober baru kita siap pada hari ini. Ini kita tak salah kepada Parlimen, kita hendak minta perhatian JPA ataupun JPM ini supaya memperbanyakkan pekerja-pekerja ini untuk menguruskan, bila bercakap hari ini, esok kita dapat *Hansard* macam dahulu. Dahulu ada 13 orang, sekarang ada tiga orang, saya tengok ada tiga orang sahaja, saya buat kajian, ada tiga orang sahaja yang membuat *Hansard* ini. Tuan Pengerusi pun senyum sahaja. *[Ketawa]*

Ada tiga orang, macam mana hendak dibereskan. Kita memang berpandu kepada *Hansard* ini. Saya selalu, bila hendak bercakap, kita tengok apa pembangkang kata, sebab pembangkang ini selalu dia bercakap tak betul, kita hendak perbetulkan. Dia senyap sahaja, memang betul dia cakap tak betul!
[Ketawa]

Jadi, saya harap, pihak JPA tambahlah, kalau tak mahu menambahkan pekerja-pekerja, bila musim sesi Parlimen bawalah pegawai-pegawai yang duduk di Jabatan Perdana Menteri ataupun yang duduk di dalam 'pool' di JPA itu yang tak berapa ada banyak kerja, tarik mai sini buat *Hansard* masa session Parlimen supaya Parlimen kita dapat berjalan dengan lebih lancar. Tuan Pengerusi, ini saya mencadangkan.

Perkara yang kedua, benda yang saya hendak bercakap ini, Ahli Yang Berhormat dari Yan pun bangkitkan perkara protokol ini. Saya memang dukacita perkara ini. Kita bila balik ke negeri, orang tak berapa hairan, mai di pusat pun orang tak peduli. Orang beri crown bukan main besar, cuba tengok dengan crown, dia tengok kereta pula. Saya satu hari saya pakai kereta kecil Proton Saga, saya semangat nasional pakai Proton Saga sahaja, saya tak ada Mercedes, sekarang bila naik tax Mercedes tak mimpi langsunglah hendak pakai Mercedes.

Bila Proton Saga ini pergi hendak masuk ke Masjid Negara pun dia tahan, dia tengok Proton Saga, dia tengok kereta yang besar-besar Mercedes boleh masuk, saya Proton Saga tak boleh masuk. Begitu juga bila ada pertandingan bola sepak, di airport, dia hendak saman. Saya selalu tanya: "Ini nampak atau tidak crown di depan itu?" Jadi, dia tengok kereta dahulu, lepas itu baru dia tengok, kalau dia check tengok crown barulah dia lepas. Ini saya mintalah. Sudahlah macam saudara saya dari Yan mengatakan mengenai tempat diletak. Saya satu ketika memang balik daripada satu upacara, sebab saya tengok DUN semua duduk di depan, timbalan menteri di 'line' yang kedua. Saya ahli backbencher lagi belakanglah, dekat dengan pokok sena di Alor Setar, dekat dengan pokok itu. Jadi, memang perkara ini saya minta

supaya Jabatan Perdana Menteri menyusun protokol-protokol yang kena pada tempatnya supaya perkara ini, bukanlah kita hendak membanggakan, tetapi Ahli Parlimen ini dia mewakili 100,000, kita ada 19 juta, seramai 192 orang wakil rakyat, sekarang ini 21 juta lebih lagilah, 100,000 lebih mewakili, ini termasuk pembangkang, saya hendak tolonglah, kadang-kadang pembangkang pun kita kena kira crown itu, sungguh pun dia pembangkang. Ini saya sokong, sebab inilah beberapa kerat Ahli-ahli Parlimen yang berbincang mengenai perjalanan undang-undang negara ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, tentang alat-alat di Parlimen ini. Saya tengok di sini 'delegates waiting to speak', macam-macam, tetapi satu pun tidak boleh pakai, selepas itu toilet. Yang saya takut sekali itu yang berdiri di atas kepada Tuan Pengerusi itu, saya takut jatuh, sebab benda ini sudah banyak tahun, hari itu kerusi lekang. Yang itu saya dok perhati takut-takut jatuh atas kepala Tuan Pengerusi. Minta tolong check sikit, mana tahu, sebab benda itu berdiri. Berdiri ini masa kita buat Parlimen itu hendak menunjukkan bahawa itu adalah satu tempat duduk (seat) yang paling susah. Sudahlah susah, duduk dengar orang bercakap, kadang-kadang orang bercakap sedap, kadang-kadang dia bangun membaca, macam Yang Berhormat dari Tumpat. Yang Berhormat dari Tumpat ini bangun baca *Harakah*, lagi kasihan kepada Tuan Pengerusi. Setengahnya dia bangkit, dia baca sahaja macam Yang Berhormat Ketua Pembangkang, dia sembang kisah Sungai Bakap. Jadi, itu adalah satu tempat yang merbahaya dan minta tolong check besi-besi tajam itu jangan beri jatuh atas kepala.

Tuan Pengerusi, saya harap perkara-perkara ini dapat Jabatan Perdana Menteri memperbanyakkan, pertama sekali *Hansard*, saya minta juga supaya perkara ini dapat diadakan seperti dahulu supaya bila habis kita bersidang hari ini, esok bila kita datang sudah ada *Hansard*.

Jadi, saya berjanji dengan Tuan Pengerusi tidak mahu bercakap panjang dan saya sokong cadangan kawan-kawan saya yang bercakap terdahulu daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tumpat.

4.32 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. B.1 Parlimen, B.7, Butiran 040000 Bahagian Keselamatan Negara, B.10 Jabatan Peguam Negara, Butiran 030000 Perkhidmatan Gubalan dan Semakan.

Sebelum daripada itu saya sukalah menyentuh masalah kerana ada beberapa orang aktivis PAS telah ditahan di bawah ISA. Saya hendak minta kepada pihak menteri.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak menyentuh ISA ini di bawah Butiran yang ke berapa, sebab setahu saya itu di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: B.7.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: B.7 ini Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bahagian Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat jangan keliru. Nampaknya Yang Berhormat terkeliru.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, apa yang menghairankan kita ialah kenapa jawatan Penggubal Undang-undang Parlimen berada di Jabatan Peguam Negara yang terletak di Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini timbul tanda tanya kerana apa guna kuasa penggubal undang-undang sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan dan tatacara menurut Standing Order, dengan izin, kerana kerajaan sendiri boleh memberi butir-butir kepada Parliamentary Draftsman (PD) apa yang patut digubal atau diperbuatkan sedangkan PD patut berada di Parlimen sebagai kakitangan Parlimen yang mana pihak pembangkang juga mempunyai akses untuk meminta jasa baik dan nasihat mereka.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu saya juga difahamkan seliaan dan kawalan Peguam Negara (PN) terhadap para pegawainya lemah dan bocor (loss). Banyak keputusan Kabinet yang dibuat berasaskan nasihat PN tidak profesional dan gagal mencapai tahap sepatutnya sebagaimana keputusan Majlis Kerja Tertinggi kerajaan. Keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara itu tentunya berdasarkan nasihat pegawai-pegawai yang disebut di bawah

Bahagian Penasihat dan Guaman ataupun Penyemak Undang-undang, sebagaimana yang disentuh oleh sahabat saya dari Kubang Kerian.

Banyak contoh menunjukkan kelemahan dalam hal ini. Salah satu ialah kes mengenai pertikaian tuntutan Pulau Batu Putih di antara negara kita dengan Singapura. Adalah suatu yang memalukan apabila kes ini terpaksa dirujuk kepada mahkamah antarabangsa. Keadaan ini jelas menunjukkan kelemahan Jabatan Peguam Negara kerana gagal memberi nasihat kepada Kabinet. Sepatutnya sebelum kita kemukakan tuntutan, pihak JPM harus memastikan apakah kita mempunyai bukti yang cukup ataupun tidak. Kelemahan ini menunjukkan kelemahan pegawai Jabatan Peguam Negara dan mereka tidak mempunyai pengalaman yang mendalam walaupun ada pengalaman, sebab sebelum daripada ini kerana ada diskriminasi barangkali, mungkin keadaan ini telah berlaku dan telah timbul.

Seharusnya kejadian seperti ini tidak terjadi kerana ia memberi kesan kepada maruah dan juga integriti negara. Kejadian itu juga berlaku kerana mereka tidak memberi nasihat yang baik kepada Kabinet. Kesediaan mereka juga mungkin tidak jelas pada hal kalau mereka meneliti dokumen-dokumen sejarah dan buku-buku serta merujuk kepada pegawai yang lebih berpengalaman, mungkin mereka dinasihatkan supaya tidak membawa kes ini ke mahkamah antarabangsa.

Tuan Pengerusi, macam mana kalau Malaysia kalah dalam kes ini dan Batu Putih menjadi hak Singapura? Apakah ianya tidak memalukan? Tentu

sekali memalukan kita dan ketika itu tidak tahu di mana kita hendak selindungi maruah negara dan muka kita kalau kebetulan ketika itu keputusan dibuat, negara masih berjerebu.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soal Pulau Batu Putih ini pun di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan masalah Batu Putih, Tuan Pengerusi, tetapi masalah kelemahan yang berada dalam Jabatan Peguam Negara. Ini sebagai contoh.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: B.10 ya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, saya sudah sebut tadi - B.1, B.7, B.10.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: B.10 Jabatan Peguam Negara.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan apa yang akan saya sebut ada hubung kait di antara tiga B yang telah saya sebutkan sekejap tadi.

Apabila saya mengenangkan perkara ini, teringatlah saya kepada pegawai-pegawai kewangan di Bank Negara, ini sebagai selingan, mahupun pegawai di Kementerian Kewangan yang mana banyak menggunakan logik daripada fakta dan perbandingan dalam membuat sesuatu strategi ataupun keputusan mengenai ekonomi. Salah satu punca kejatuhan nilai wang ialah kerana pegawai kita kurang matang dan cetek pengetahuan mengenai

kewangan. Justeru itu jugalah menyebabkan George Soros boleh menyusup masuk ke dalam tembok atau fire strategi ekonomi kita.

Apa yang saya dapat tahu, kebanyakan pegawai di Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara kurang berpengalaman. Keadaan ini juga berlaku di Jabatan Perdana Menteri di mana para pegawainya rata-rata berumur 40 tahun, walaupun ramai yang kanan dan berpengalaman tetapi diketepikan kerana sebab-sebab peribadi dan sebagainya. Maka kesan daripada tindakan tidak adil dan diskriminasi itu dapat kita rasakan dalam pengurusan dan pentadbiran negara kita sekarang.

Dalam Jabatan Kehakiman, ramai yang berhenti - betul, Tuan Pengerusi, ataupun pohon pencen kerana tidak senang dengan birokrasi atau diskriminasi ketua mereka. Mereka rela menganggur daripada bersedia untuk berkhidmat kepada negara kerana tidak tahan dengan politik dalam jabatan serta wujudnya tindakan pilih kasih yang dibuat atas kepentingan pihak-pihak tertentu.

Tuan Pengerusi, perkara ini sangat serius. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri hendaklah memberi perhatian sewajarnya. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri berdua perlu memastikan untuk mendapatkan nasihat yang wajar agar keputusan dan tindakan yang memalukan negara tidak berlaku disebabkan mendapat nasihat yang kurang tepat dan daripada orang yang tidak berwibawa. Saya yakin kalau kerajaan membiarkan perkara ini berterusan dan leka bertindak di atas nasihat-nasihat yang lemah,

segala keputusan yang memerlukan keadilan boleh diragui. Saya menekankan perkara ini.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sudah kena gulung?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, 10 minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, beri dua minit.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat, tetap 10 minit.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya gulung dua minit. Sekarang ini kita juga sedang menunggu apakah nasihat yang akan diberikan oleh Peguam Negara kepada Kabinet mengenai perjanjian dua hala pertukaran penjenayah dengan Amerika Syarikat. Sehingga ini saya belum dapat warta kerajaan mengenai perkara ini. Kita ingin lihat apakah nasihat Peguam Negara dan apakah tafsiran apa yang dikatakan seorang yang boleh diklasifikasikan sebagai orang buruan dan apakah standard yang dipakai? Apakah definisi itu menurut acuan Amerika ataupun British?

Kita juga meragui dan musykil tentang beberapa kes jenayah yang dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara. Apa yang dapat dirasakan, Peguam Negara seolah-olah bertindak untuk memberi keselesaan kepada Perdana

Menteri dan bukan keadilan kepada negara dan rakyat. Tengoklah kes-kes yang berlaku ke atas bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Thamby Chik, kes Dato' Seri Rafidah Aziz, kes Dato' Mohamed Rahmat, Menteri Penerangan yang kita kasihi dan lain-lain. Cara kes-kes ini diselesaikan boleh menimbulkan keraguan orang ramai kepada keupayaan dan keadilan undang-undang negara kita ini. Kenapa kes ini boleh diselesaikan dengan cepat, tetapi kes lain seperti Memali, rasuah yang melibatkan pegawai kerajaan yang kita tahu sudah disiasat, dilengah-lengahkan, seperti kes Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan sudah pun disiasat tetapi sekarang mana keputusannya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bintulu.

4.42 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.7 Jabatan Perdana Menteri, Program 060200 Pengurusan Hartanah.

Rumah kakitangan Kerajaan Persekutuan di Bintulu, Sarawak. Tuan Pengerusi, memandangkan keadaan persekitaran yang kurang selesa bagi penghuni perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan patut memperbaiki tempat-tempat kediaman mereka dengan segera. Ini bukan sahaja untuk luar kawasan flat, seperti sistem perparitan yang tidak elok hingga menyebabkan pembiakan nyamuk. Malah di dalam bilik flat, seperti pengecatan semula flat setahun lebih yang lalu, tidak mendatangkan

kesan kecantikan. Harga cat yang murah dan mudah terkopek. Peralatan seperti kabinet dan perabot yang terdapat di dalam bilik flat tidak pernah diganti sejak dibina 11 tahun yang lalu. Keadaan yang menjijikkan ialah apabila saluran jamban tersumbat dan menyebabkan lelehan najis keluar dari salurannya. Terdapat juga penghuni yang mandi di kawasan koridor kerana saluran air tersumbat. Sistem paip yang dibuat daripada besi juga telah lama berkarat dan bocor. Ada penghuni yang terpaksa membuka pintu bilik mereka disebabkan pembersihan air dari tempat yang bocor.

Keadaan bertambah buruk apabila terdapat parit di tepi flat tersumbat kerana dihalang oleh longgokan simen yang kering di dalam longkang semasa kerja-kerja pengubahsuaian koridor depan dan belakang dua tahun yang lalu. Pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia kerja tersebut ambil ringan hingga beberapa bahan buangan seperti besi, batu bata, pasir dan batu dibiarkan bersepah di sekeliling flat. Para penghuni amat kesal dengan sikap kontraktor dan penyelia yang dipertanggungjawabkan itu. Hampir kesemua tangki simpanan di atas ceiling tidak digunakan lagi. Kos penyambungan paip secara terus dilakukan dan dibeli sendiri oleh penghuni kerana peruntukan kewangan kerajaan tidak ada. Hingga kini paip air masih bocor kerana kos penyambungannya dari bawah hingga ke tingkat tiga memakan belanja yang banyak. Penghuni masih ada yang mandi di koridor, saluran masih tersumbat dan telah berlaku lebih kurang setahun yang lalu.

Malah banglo kediaman pegawai-pegawai kanan kerajaan di Bintulu seperti JPJ, hospital dan semua jabatan kerajaan yang lain telah dibaikan. Tangki air dalam rumah tersebut sudah bocor dan kebanyakannya telah terlalu berkarat. Walaupun air paip sudah disambung semula, kebocoran di sana sini masih juga berlaku manakala sink basuh tangan atau tandas pun tidak berganti. Lantai kayu mengalami kerosakan teruk dimakan anai-anai dan ada kalanya kayu lantai pun hilang dan berlubang. Anak tangga dan tingkap kayu juga dimakan anai-anai. Saya pasti seluruh rumah itu akan dimakan anai-anai jikalau tindakan pembaikan tidak diambil segera sekarang.

Saya dapati juga tingkap dan pintu tidak dipasangkan jaring perangkap nyamuk yang biasanya diperlukan kerana quarters kerajaan dibina dengan dikelilingi kayu-kayu. Di dalam rumah kita dapati kerusi sofa juga pecah dan katil pun koyak, dapur bertambah teruk, tandas dan bilik air berdaki, malah paip pembetung pun pecah dan tersumbat. Lebih teruk lagi rumah tersebut tidak dicat semula, seluruh keadaan begitu buruk sehinggakan rumah setinggan pun lebih baik, keadaan lebih terurus berbanding dengan banglo-banglo kerajaan. Adalah.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cerita ini bersabit dengan Butiran mana?

Tuan Chiew Chiu Sing: Ada. Ini sebenarnya di bawah Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pengurusan Bangunan Kerajaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, sebutkan nombor Butirannya, senang sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Chiew Chiu Sing: Nombor Butiran, B.7lah di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Buat seperti sedia kala, Yang Berhormat, biasanya ada nombor kod dan sebagainya, sebutkan sahajalah, senang untuk rujukan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Ya, lain kalilah, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Adalah sungguh menyedihkan apabila kita berada di dalam dan menyaksikan pegawai kanan kerajaan dan keluarga mereka tinggal di dalam rumah kerajaan yang terabai dan berkeadaan uzur di Bintulu.

Jalan raya yang rosak dan perlu diturapkan. Sebuah flat iaitu Muput sering banjir. Sekiranya berlaku hujan lebat dalam jangka masa dua hingga tiga jam, lantainya di tingkat bawah akan dicecah oleh air dan menimbulkan masalah kepada penghuni. Ini adalah disebabkan oleh sistem perparitan yang terhalang dan tidak dibersihkan. Lagi pula, kontraktor yang diberi tanggungjawab selama ini tidak melakukan kerja-kerja pembersihan parit.

Pada masa ini kontraktor baru diberi tanggungjawab untuk menjalankan kerja memotong rumput, pembersihan parit dan tangga. Pemetongan rumput kali ini agak baik dan memuaskan kerana kontraktor tersebut memotong rumput mengikut prosedur di dalam kontrak. Namun yang menyedihkan ialah pembersihan parit yang belum lagi dilakukan. Longkang-longkang yang tidak

berfungsi ini adalah tempat utama pembiakan nyamuk dan tidak hairanlah kawasan perumahan Persekutuan adalah satu dari tempat pembiakan nyamuk.

Saya difahamkan perkara ini pernah diluahkan dan diajukan kepada pihak bertanggungjawab khususnya pejabat kewangan di Kuching, tetapi mendapat reaksi negatif hingga menimbulkan perasaan tidak puas hati. Tempelak pegawai atasan seolah-olah menidakkan wujudnya perumahan Persekutuan yang perlu diambil perhatian sewajarnya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Chiew Chiu Sing: Saya gulung dengan perenggan yang akhir. Saya berharap agar perumahan Persekutuan Sarawak tidak dianaktirikan lagi. Semoga pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini dapat mengambil tindakan segera supaya rasa tidak puas hati itu tidak mendatangkan kesan kepada para penghuni. Rumah yang dikosongkan oleh penghuni dan yang keluar juga tidak dikemas-kinikan oleh lembaga perumahan sepertimana yang berlaku di bahagian Bintulu hingga menyebabkan nombor giliran permohonan masih berada pada kedudukan yang tidak berubah. Saya berharap semua masalah ini dapat ditangani segera kerana perkara ini telah lama berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

4.52 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.1 iaitu Parlimen di mana selain daripada menyahut apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, saya juga ingin bertanya tentang satu perkara yang saya pernah timbulkan iaitu mengenai pengurusan persidangan Parlimen di mana ada satu sticker yang berbunyi 'We Support Mahathir' yang diedarkan oleh pihak urusetia, sehingga sekarang sungguhpun Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan akan menyiasat siapa yang bertanggungjawab mengedarkannya, tetapi kita masih belum diberikan maklumat siapa yang bertanggungjawab mengedarkan sticker ini yang tidak ada cop rasmi dan tidak ada nama pencetak dan penerbit.

Saya harap perkara ini bolehlah diberikan jawapan oleh pihak kerajaan, kerana kalau perkara ini bukan urusan rasmi, saya rasa ia tidak harus diedarkan oleh Parlimen, lebih-lebih lagi bila ia bukanlah dalam Bahasa Kebangsaan tetapi dalam bahasa Inggeris. Kalau perkara ini bukanlah urusan rasmi tetapi masih diedarkan dan tidak mengikut lunas-lunas undang-undang yang ditetapkan, ini bermakna bahawa Parlimen sendiri telah melanggar undang-undang bila ia sepatutnya menegakkan undang-undang sebagai institusi penggubal undang-undang yang terulung sekali dalam negara kita. Oleh sebab itu, saya harap perkara ini bolehlah diberikan penjelasan yang secukupnya oleh pihak kerajaan kerana sungguhpun perkara ini berbau politik, tetapi pihak Parlimen tidak harus diheret masuk dalam kancah politik oleh pihak-pihak tertentu yang mungkin dianggap sebagai tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.13 iaitu Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak tentang kes takrifan ‘bumiputera’. Adakah bumiputera merangkumi definisi penduduk-penduduk orang asli daripada Sarawak, iaitu penduduk-penduduk Iban daripada Sarawak. Saya menyebutkan kes ini kerana ada seorang berbangsa Iban daripada Sarawak yang telah bekerja di Semenanjung Malaysia cuba membeli sebuah rumah kedai di Melaka yang bernama Encik Guyang anak Umar. Sungguhpun beliau adalah seorang Iban dan orang pribumi daripada Sarawak, beliau ditolak untuk mendapat kelulusan membeli rumah kedai kerana mengikut takrifan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Melaka, mereka tidak menganggap beliau sebagai seorang bumiputera, sungguhpun saya rasa rakyat Sarawak akan bersetuju bahawa beliau adalah seorang pribumi yang dianggap sebagai bumiputera tetapi Kerajaan Negeri Melaka tidak menganggap seorang Iban daripada Sarawak sebagai bumiputera. Adakah keadaan sedemikian dipersetujui oleh pihak Kerajaan Pusat, kerana kalau ini dibenarkan saya rasa ia akan menyusahkan integrasi nasional di antara Malaysia Barat dan Malaysia Timur.

Saya rasa kita tidak mahu melihat keadaan di mana seseorang yang dianggap pribumi di Sarawak atau di Sabah, tidak dianggap sebagai bumiputera pula di Semenanjung Malaysia kerana saya rasa ini akan menyinggung perasaan dan menimbulkan banyak masalah. Oleh sebab itu, saya harap perkara ini boleh diuruskan dengan baik oleh pihak kerajaan kerana, kalau tidak, saya rasa

Kerajaan Negeri Sarawak juga gagal dalam tanggungjawabnya untuk membela hak rakyat orang asli mereka. Di sini saya harap Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak khususnya yang berbangsa Iban bolehlah menyuarakan masalah ini. Kalau tidak, saya rasa mereka yang datang daripada Sarawak akan dianaktirikan, dianiayai apabila mereka sampai ke Semenanjung Malaysia kerana hilang taraf sebagai seorang bumiputera.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada Maksud Bekalan B.1 Parlimen, saya juga ingin menyentuh tentang kadar baru elaun dan kemudahan kepada Ahli Parlimen. Di sini adalah sungguh menyedihkan bahawa sungguhpun kadar baru sebanyak RM6 juta telah diluluskan, tetapi dari segi prestasi dan persembahan oleh pihak menteri-menteri dan setengah timbalan-timbalan menteri amat menyedihkan. Adalah dikesali bahawa setengah-setengah menteri yang langsung tidak pernah muncul dalam Parlimen.

Saya pernah menanyakan satu soalan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk bertanyakan siapakah di kalangan para menteri yang mempunyai rekod kehadiran yang paling teruk sekali untuk tahun lepas. Jawatan atau kejuaraan menteri ponteng Parlimen yang pernah disandang oleh Yang Berhormat Presiden MCA, iaitu Yang Berhormat dari Labis di mana beliau hanya menghadiri 8% dari segi rekod kehadiran Parlimen, amat malas sekali. Tetapi untuk tahun lepas telah dirampas pula oleh Yang Berhormat Presiden Gerakan. Mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri ialah kalau kita melihat rekod kehadiran oleh Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri adalah sebanyak 30% untuk tahun lepas apabila Parlimen bersidang selama 83 hari. Tetapi untuk menteri-menteri pula, yang paling teruk ialah Yang Berhormat dari Labis sebanyak 12%, Yang Berhormat Presiden MCA dan juga Yang Berhormat dari Bakri, Naib Presiden MCA, juga sebanyak 12%. Sungguhpun Naib Presiden MCA tetapi kalah kepada Naib Presiden MCA yang lain yang tiap-tiap hari saya ada lihat dia hadir Parlimen, tetapi yang dilantik jadi menteri, malas datang ke Parlimen. Sungguhpun begitu, Yang Berhormat dari Serdang tidak boleh dilantik, tak mahu cakap menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen pun tak boleh bau. Jadi, saya rasa mungkin dalam perkara ini ada sedikit ketidakadilan.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu Butiran yang ke berapa? *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, kadar baru elaun.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, tadi Yang Berhormat menyebut nama Serdang.

Tuan Lim Guan Eng: Ini secara imbas sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sepintas lalu ini pun saya kena soal, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tak apalah, setakat di situ sahaja. Tetapi kalau kita lihat tentang rekod kehadiran menteri yang paling teruk sekali ialah Yang Berhormat dari Beruas, iaitu Yang Berhormat Presiden Gerakan. Dahulu Yang Berhormat dari Labis, sekarang Yang Berhormat dari Beruas di mana rekod

kehadiran adalah hanya 6% sahaja untuk tahun lepas. Kalau inilah rekod kehadiran oleh seorang Presiden Gerakan, macam mana kita boleh harapkan pengundi-pengundi menyokong Gerakan, saya pun menggaru kepala. Kalau inilah contoh atau teladan yang ditunjukkan oleh Presiden Gerakan, saya rasa konco-konconya daripada Gerakan pun serupa. Kalau pemimpin malas datang hadir ke Parlimen, konco-konconya atau Ahli-ahli Parlimen biasa Gerakan pun serupa, malas datang ke Parlimen.

Di sini saya harap bahawa pihak kerajaan bolehlah menimbang untuk menetapkan kuota kehadiran kepada menteri. Kalau mereka gagal mencapai satu tahap, mungkin 30% kehadiran yang dicapai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, gaji mereka akan kena potong secara automatik, kalau tidak, mereka akan malas datang. Kita harus menggalakkan mereka jangan ponteng, kalau tidak, kita akan memberikan teladan yang buruk kepada pelajar-pelajar sekolah yang akan suka ponteng kerana semua menteri ponteng hadir ke Parlimen. Saya harap perkara ini tidak harus ditimbulkan lagi dan rekod kehadiran bolehlah dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.7 Jabatan Perdana Menteri di mana saya hendak bertanya tentang dasar penswastan yang dijalankan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi atau EPU khususnya terhadap KTMB. Di sini saya tidak lihat mengapakah apabila sesuatu perkhidmatan diswastakan, mengapakah pihak kerajaan masih perlu menanggung kos atau beban perbelanjaan. Saya difahamkan bahawa sebanyak

RM4,150 juta akan dibelanjakan untuk KTMB sungguhpun ia telah diswastakan dan bukannya ini bercanggah dengan dasar penswastakan - saya cuba mendapatkan jawapan tetapi tidak dapat - bahawa semua kosnya akan ditanggung oleh pihak swasta.

Saya juga ingin bertanya tentang rasional pihak kerajaan menjualkan MISC kepada Petronas dan bukan seperti yang diura-urakan oleh KPM yang diketuai oleh anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah sebab 29% ekuiti daripada MISC ini tidaklah dijual kepada KBS seperti yang pernah diumumkan, tetapi sebaliknya pula dijual kepada Petronas.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Badan Pencegah Rasuah. Di sini saya ingin bertanya pihak kementerian tentang siasatan-siasatan yang dijalankan oleh pihak BPR khususnya ke atas pendedahan yang dibuat oleh pihak pemberita, kerana kalau saya tidak silap, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebutkan bahawa kalau sesuatu dilaporkan oleh pihak surat khabar adalah satu perkara umum, maka tindakan tidak akan diambil ke atas pemberita-pemberita yang melaporkan berita tentang kes rasuah tersebut. Tetapi dalam kes laporan NST tentang tangkapan seorang jeneral, apabila saya bangkitkan perkara ini pada sesi yang lepas, saya difahamkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa masalahnya ialah kerana wang ganjaran bukanlah RM1 juta. Saya rasa ini hanya secara detail sahaja. Kalau dari segi aspek substantive perkara ini ada berlaku, saya rasa kita tidak harus menghukum pihak media massa yang cuba menjalankan tugas untuk

mendedahkan rasuah. Mereka harus dipuji dan bukan apa yang berlaku iaitu sebaliknya dihukum apabila mereka cuba menjalankan tugasnya membuat laporan yang betul kepada negara.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.10 iaitu Jabatan Peguam Negara. Di sini saya ingin bertanya pihak Jabatan Peguam Negara tentang kes-kes pendakwaan yang mereka telah luluskan untuk kes rasuah berbanding dengan syor-syor yang dibuat oleh BPR. Bolehkah kita dapat tahu kalau berapa banyak syor (recommendation) yang dibuat oleh BPR untuk pendakwaan dijalankan di mana pihak Jabatan Peguam Negara telah luluskan, bolehkah kita dapat dari segi peratus?

Sebagai contoh, kalau BPR rekomen 100 kes untuk didakwa tetapi Peguam Negara hanya buat keputusan 50. Kita tahu bahawa dari segi recommendation yang dibuat oleh BPR hanya 50% kerana saya rasa tentunya BPR akan buat syor-syor mereka tetapi keputusan muktamad akan dibuat oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Bolehkah kita dapat tahu dari segi peratusan, sejauh manakah pihak Peguam Negara bersetuju atau tidak bersetuju dengan pihak BPR. Saya rasa ini adalah penting kerana kita tidak mahu apabila sesuatu siasatan yang dijalankan oleh BPR ini ditidakkan oleh pihak Peguam Negara atas sebab-sebab tertentu. Saya rasa kalau amalan ini berlaku, ia adalah amat tidak sihat sekali.

Kalau kita merujuk kepada beberapa kes rasuah yang berlaku di Melaka yang melibatkan kes pegawai MPMBB, saya harap bahawa pihak Peguam

Negara boleh mengesahkan sama ada benar atau tidak bahawa pihak pendakwa raya untuk kes ini tidak memanggil semua saksi yang berkaitan sehingga berlakunya kes ini telah dibuang oleh pihak mahkamah. Kalau begitu.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, bolehkah saya gulung sekejap? Adakah perkara ini telah diambil tindakan dan apakah bentuk tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan?

Di sini saya juga ingin menimbulkan perasaan kesal ke atas sikap dan juga amalan yang dilakukan oleh pihak Peguam Negara di mana beliau masih memencilkan diri, tidak mahu mengamalkan prinsip ketelusan dan akauntabiliti untuk menerangkan tugasnya sebagai pendakwa raya utama negara kita, khususnya dalam menghadiri beberapa forum yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Saya rasa ini adalah amat tidak sihat sekali kerana beliau mesti dilihat sebagai seorang yang bebas, yang tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor politik. Sehingga sekarang gambaran yang diberikan oleh Peguam Negara adalah sebaliknya iaitu beliau memang menjalankan tugas atas gambaran dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang merupakan seorang peguam, saya percaya dia tentu tahu 'justice must not only be done, it must be seen to be done'. Dalam perkara ini adalah dikesali bahawa Peguam Negara telah gagal dalam ujian atau 'in this test' yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Serdang.

5.08 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa, JPM, Butiran 020000 Unit Perancang Ekonomi dan Program 020400 Penswastaan.

Tuan Pengerusi, saya hendak meminta Unit Perancang Ekonomi JPM supaya mengkaji LRT daripada Kuala Lumpur ke Bukit Jalil akan siap tetapi daripada Bukit Jalil terus ke Puchong sampai ke Putrajaya akan datang masih belum dapat apa-apa tanda penyelesaiannya. Jadi, saya minta Unit Perancang Ekonomi akan dapat mengkaji supaya stesen Bukit Jalil yang bersempadan dengan Selangor, terus melalui Puchong, kawasan yang sedang membangun sebagai bandar baru di mana unit perumahan akan dirancangkan sebanyak 120,000 unit dan kilang-kilang industri sedang dirancangkan di kawasan Bandar Baru Puchong, potential sebagai lalu lintas penting LRT daripada Bukit Jalil melalui Puchong sampai ke Putrajaya dan teruskan sampai ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang. Jadi, cadangan ini telah disampaikan kepada mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Petaling. Mesyuarat tersebut juga memaklumkan kepada Unit Perancang Ekonomi, JPM mengkaji lebih mendalam supaya program projek ini dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan Puchong.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak meminta satu penjelasan di dalam Dewan ini cara mana untuk mengkaji satu-satu projek untuk mencadangkan

penswastaan. Saya difahamkan sebarang cadangan daripada pihak swasta untuk meminta kajian daripada JPM supaya projek ini akan dapat diswastakan, mesti dapat kelulusan dahulu daripada Unit Perancang Ekonomi, JPM dan akan dikaji lebih lanjut dari segi teknikal. Saya difahamkan satu jalan di kawasan saya, iaitu Jalan Balakong telah diswastakan. Saya tidak menentang projek swasta Jalan Balakong kerana Jalan Balakong sempit dan sibuk, sepatutnya dilebarkan melalui penswastaan.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini agar dapat penjelasan daripada Dewan ini iaitu dari Jalan Balakong sampai ke Jalan Sungai Besi ada 'T' junction, tetapi apa yang saya difahamkan oleh syarikat konsesi itu, limit of work, Jalan Balakong ini tidak sampai ke persimpangan Jalan Sungai Besi, ditinggalkan hanya setengah kilometer yang tidak terlibat secara langsung dalam program penswastaan. Jadi, ertinya Jalan Balakong sampai sebahagian, selepas itu tidak sambung, terus sampai ke Jalan Sungai Besi di mana Jalan Sungai Besi dalam program penswastaan juga dijadikan enam lorong dan Jalan Balakong juga jadi enam lorong, sampai tahap itu, tetapi tidak sampai setengah kilometer ke persimpangan. Ertinya, setengah kilometer panjang jalan itu siapa akan jaga pada masa akan datang? Apa sebab setengah kilometer itu tidak terlibat dalam program penswastaan itu? Syarikat konsesi mengatakan, 'jangan tanya saya, tanya EPU, tanya highway authority, Lembaga Lebuhraya Malaysia'. Ini satu kehairanan, apa sebab ditinggalkan setengah kilometer itu

di mana akan jadi masalah besar pada masa akan datang dari segi kesesakan, dari segi penyelenggaraan, dari segi 'free flow' masa akan datang.

Saya difahamkan dasar Lembaga Lebuhraya Malaysia mengatakan kalau satu-satu jalan raya yang diswastakan tidak ada lampu isyarat. Saya tidak tahu, mungkin dapat penjelasan. Kalau betul dasar Lembaga Lebuhraya Malaysia katakan satu-satu jalan raya telah diswastakan tanpa lampu isyarat trafik, maka apa sebab Jalan Sungai Besi dengan Jalan Balakong yang telah diswastakan ditinggalkan setengah kilometer itu ada wujudnya lampu isyarat (traffic light) di situ. Itu akan menjadikan satu masalah besar kerana Jalan Sungai Besi akan terus ke Putrajaya dan Jalan Balakong juga akan terus ke Putrajaya pada masa akan datang. Ertinya kenderaan akan bertemu di persimpangan jalan tersebut tanpa berjalan lancar kerana ada lampu isyarat di situ. Itu minta penjelasan, macam mana kriteria, apa syaratnya jalan raya diswastakan dan apa sebab ini ditinggalkan, saya tidak tahu. Di kawasan saya tempat itu amat sibuk. Minta penjelasan berkaitan dengan cara mana penswastakan terhadap jalan raya tersebut. Ini penting kerana kalau pada masa tiga empat tahun Putrajaya diwujudkan di kawasan itu, ramai daripada Cheras, Hulu Langat atau Kuala Lumpur sampai di situ dan sesak di situ.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak membangkitkan Butiran 070000 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Buat waktu ini sebagai wakil rakyat sentiasa dapat pengaduan daripada rakyat. Misalnya, pili bomba rosak. Kita jumpa JBA minta supaya diperbaiki, JBA

kata, ‘Tidak ada peruntukan. Ini bidang kuasa Jabatan Bomba’. Kita jumpa Jabatan Bomba, dia mengatakan tidak ada peruntukan. Pili bomba yang rosak itu tidak dapat dibaiki. Kita minta tolong kepada kerajaan tempatan. Saya tidak tahu, ini sebagai contohnya. Jadi, sentiasa berlaku satu masalah telah timbul dan dikemukakan kepada jabatan itu, tolak sana, tolak sini, memang sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat pernah berkata demikian dalam perbahasan belanjawan dahulu. Maka saya difahamkan bahawa Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara pernah berkata dalam satu seminar iaitu sikap melepaskan tanggungjawab dari satu agensi ke satu agensi lain merupakan antara faktor mengapa tindakan penguatkuasaan terhadap sebarang aduan daripada orang ramai lambat diambil.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]

mempengerusikan Jawatankuasa]

Dan juga Ketua Setiausaha Negara pernah mengatakan satu arahan telah diberi kepada MAMPU supaya buat satu garis panduan koordinasi antara agensi-agensi kerajaan atau jabatan-jabatan kerajaan untuk mengatasi masalah seperti yang dikatakan tadi. Jadi, garis panduan daripada MAMPU telah disediakan atau tidak? Bilakah garis panduan terhadap perkara itu dapat diumumkan supaya jabatan-jabatan kerajaan atau agensi-agensi kerajaan dapatlah satu garis panduan yang sepenuhnya untuk mengelakkan tolak sana, tolak sini. Mintalah penjelasan daripada mungkin Timbalan Menteri di JPM akan memberi penjelasan yang lebih lanjut. Ini adalah kepentingan rakyat.

Wakil rakyat hanya mengemukakan masalah-masalah yang berkaitan itu supaya jabatan-jabatan atau agensi-agensi dapatlah memberi pertolongan untuk mengatasinya. Tanpa kerjasama.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup ya.

Dato' Yap Pian Hon: Beri saya menggulung sedikit. Tanpa kerjasama atau koordinasi antara satu agensi dengan agensi lain itu, mungkin akan terjejaslah imej Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mersing, selepas ini Jabatan Perdana Menteri akan menjawab.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi? Okay.

5.18 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh.

Pertama, Maksud B.1. Tuan Pengerusi, kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Parlimen yang telah menyediakan komputer untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen dan diletakkan di Kantin Ahli-ahli Parlimen. Saya percaya Ahli-ahli Parlimen menggunakan sepenuhnya peluang yang disediakan

oleh pihak pentadbiran. Namun demikian, satu perkara yang saya hendak bangkitkan ialah selain daripada menyediakan komputer dengan Internetnya sekali, saya harap pihak Parlimen juga menyediakan printer untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen, sebab kalau tanpa printer dan kita hendak gunakan komputer dan Internet itu sekali, dia akan mengambil masa dan komputer itu hanya satu sahaja, jadi kalau hendak syer dengan ramai orang tentulah mengambil masa. Jadi dengan adanya printer, ini akan memudahkan kita, kita print dan kita boleh bawa masuk ke Parlimen ataupun di mana sahaja kita boleh baca dan orang lain boleh gunakan komputer ini seterusnya.

Selain daripada itu, saya juga ucapkan terima kasih kepada pihak Parlimen yang telah menyediakan homepagenya sendiri. Tetapi satu perkara yang saya hendak bangkitkan, serupa juga macam jabatan-jabatan lain yang saya lihat dalam Internet, biasanya homepage ini tidak begitu up-to-date. Tetapi baru-baru ini saya lihat pihak Parlimen sudah memasukkan Aturan Urusan Mesyuarat sejak dari sesi ini. Jadi, saya harap kalau boleh Aturan Urusan Mesyuarat itu dapat dimasukkan lebih awal supaya Ahli-ahli Parlimen dapat check soalan-soalan itu lebih awal, kadang-kadang pukul 10.00 pagi pun saya tengok belum ada lagi. Jadi, itu memudahkan pihak Parlimen sendiri, tidak payah kita hendak check dengan pihak Parlimen.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh berkenaan dengan Maksud B.3. Kita sebagai Ahli-ahli Parlimen dari masa ke semasa kita menerima buku laporan jabatan-jabatan kerajaan ataupun badan-badan

berkanun dan mana-mana yang patut kadang-kadang saya baca juga laporan-laporan ini, terutamanya yang berkenaan dengan ulasan yang diberikan oleh pihak Ketua Audit Negara, termasuklah laporan yang disediakan oleh pihak PAC. Saya dapati dalam laporan itu ada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak Ketua Audit Negara tidak dipatuhi. Kadang-kadang sudah dua kali ditegur, masih lagi benda itu tidak diambil tindakan.

Saya tidak pasti sejauh mana keberkesanan arahan-arahan ini dan saya berharap kepada jabatan-jabatan kerajaan, khususnya badan-badan berkanun supaya mengambil perhatian berat atas cadangan-cadangan dan juga teguran yang dikemukakan oleh pihak Audit Negara. Bukan tujuan audit untuk mencari kesalahan, tetapi tugas Jabatan Audit ialah hendak menentukan supaya segala dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan akan dipatuhi oleh pihak-pihak berkenaan. Di dalam proses untuk menentukan perkara ini berjalan ikut dasar kerajaan, sudah tentulah ada beberapa perkara yang tidak betul akan dibangkitkan oleh pihak audit dan pihak audit akan memberitahu jabatan-jabatan berkenaan. Jadi, saya harap perkara ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh Maksud B.7, Program 192600 Pembelian Buku dan Alat Perpustakaan Masjid-masjid di Wilayah Persekutuan. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM99,000 kepada masjid-masjid ini dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan. Tetapi saya ingin

tahu berapa buah masjid yang terlibat dalam pembahagian dan pembelian buku-buku dan alat perpustakaan ini.

Satu perkara yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, ialah dari segi jenis buku-buku yang disediakan di masjid, sudah tentulah kebanyakan daripada buku-buku ini ialah yang berbentuk keagamaan. Tetapi pada masa yang sama, saya rasa adalah baik juga, selain daripada buku-buku agama, disediakan juga buku-buku yang berbentuk motivasi, menggalakkan produktiviti, menggalakkan rakyat supaya bekerja kuat, kerana ini juga adalah merupakan sebahagian daripada nilai-nilai Islam yang mulia. Jadi, itulah saya harap pihak kerajaan memasukkan juga buku-buku ini ke perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di masjid.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu, kadang-kadang bila saya pergi ke masjid di kawasan saya sendiri memang terdapat perpustakaan ini. Tetapi saya khuatir dan tidak pasti macam mana sambutan orang ramai ataupun jemaah masjid itu sendiri terhadap perpustakaan yang disediakan oleh pihak masjid, adakah kita mempunyai rekod? Kalau kita tidak mempunyai rekod, kenapa kita tidak buat usaha untuk simpan rekod itu. Jadi, saya mencadangkan kita kena jalankan perkara-perkara ini secara lebih profesional. Kalau tidak secara yang lebih tinggi, sekurang-kurangnya pada peringkat asas itu kita mesti jalankan. Maknanya, kalau orang pinjam buku itu kita rekodkan buku, berapa lama dia pinjam, berapa ramai yang pinjam, adakah mereka pulangkan buku itu

mengikut jadual dan sebagainya. Ini untuk menentukan sambutan dari jemaah masjid itu sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kita juga mestilah pastikan orang yang menguruskan. Misalnya, katakan ahli jawatankuasa jemaah masjid itu sendiri yang menguruskan perpustakaan ini diberi latihan asas berkenaan dengan bidang perpustakaan ini. Jadi, ini untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan demi kebaikan ummah itu sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.8, Program 040100 iaitu Mempertingkatkan Kemudahan di Kompleks JPA. Saya selalu juga menghubungi Jabatan Perkhidmatan Awam ini. Biasanya kalau saya hubungi Jabatan Perkhidmatan Awam, ini adalah berkaitan dengan masalah-masalah pencen yang dihadapi oleh penduduk dalam kawasan saya, Mersing. Apabila saya telefon JPA, saya mesti menghadapi masalah. Masalahnya ialah sama ada line tidak dapat ataupun kalau line dapat, operator yang mengangkat telefon itu lambat. Banyak kali saya kena. Kadang-kadang bila saya dapat line, saya tanya dia, telefon rosakkah? Dia kata, tidak rosak tetapi memberikan alasan sibuk.

Saya tidak pasti kedudukan yang sebenarnya perkara ini, Tuan Pengerusi. Jadi, apa yang saya harapkan, kalaulah kita tidak mempunyai kakitangan yang cukup, saya minta JPA tambah, kerana itu saya yang telefon sebagai wakil rakyat, bagaimana mereka yang telah bersara, mereka yang telah beri khidmat yang cukup baik kepada negara tetapi hendak telefon pejabat

Bahagian Pecen, JPA pun bukan main susah. Itu belum lagi hendak dapatkan pecten. Jadi kalau perkara yang basic macam itu pun mereka sudah kompelin, jadi susahlah. Itulah saya harap, sebenarnya saya malas hendak membangkitkan perkara ini tetapi sudah selalu sangat, saya terpaksa juga bangkitkan, bukan apa, tetapi untuk kebaikan kita.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang terakhirnya ialah berkenaan dengan Program 020200 Latihan. Baru-baru ini kita dapati ada sebilangan pegawai-pegawai kanan kerajaan telah dihantar ke UK khabarnya untuk mengikuti kursus bidang komputer. Saya tidak pasti betapa tingginya atau complicated bidang yang hendak mereka ambil itu, tetapi mengikut laporan yang disiarkan melalui akhbar yang saya baca, kursus itu tidak seharusnya diikuti di UK dan kursus itu boleh didapati di tanah air kita. Jadi, saya ingin bertanya kenapakah perkara-perkara yang basic dan simple macam ini terjadi, malah saya difahamkan apa yang diajar itu sudah out-dated. Negara kita sendiri rasanya lebih baik dari segi kemudahan yang kita sediakan untuk belajar komputer ini, banyak tempat, jadi kenapa kita mesti hantar pegawai-pegawai ini untuk mengikut kursus-kursus yang tidak begitu tinggi dibandingkan dengan yang terdapat di negara kita.

Jadi, itulah saya harap pihak kerajaan akan lebih berhati-hati pada masa akan datang, sekurang-kurangnya sebelum dihantar pegawai-pegawai itu, pastikan course content itu sendiri, kita minta course content itu, apa yang mereka hendak ajar. Kemudian, apabila mereka sudah ajar, kita minta laporan

dan bandingkan apa yang sebenarnya mereka ajar. Adakah mereka memenuhi syarat yang telah ditetapkan? Kalau dia tidak memenuhi syarat, maknanya kita boleh kompelin kepada mereka, lain kali kita jangan hantar. Kalau setakat apa yang dia hendak ajar course content itu ada di sini, tidak payahlah, kita hantar pegawai-pegawai kita di sini sahaja. Saya percaya INTAN memberi kemudahan yang jauh lebih baik daripada yang terdapat di UK semasa menghantar pegawai-pegawai ini. Jadi, itulah saya harap kita akan memberi lebih perhatian dalam perkara-perkara ini.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu.

5.30 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya seperti juga rakan-rakan yang lain ingin menyatakan sokongan ke atas perbahasan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Selepas ini kementerian akan menjawab.

Tuan Yunus bin Rahmat: Ya. Mengenai dengan Maksud B.6 - Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara ini dan kita sukalah merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan di atas perkembangan yang telah berlaku di dalam Perkhidmatan Pendidikan selama ini. Kebanyakan guru-guru seolah-olah telah pun mendapat satu nafas baru seolah-olah satu suntikan

yang bersemangat untuk mereka terus memberikan khidmat kepada anak bangsa.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh sedikit-sebanyak mengenai dengan pelaksanaan sistem kenaikan pangkat, perlantikan baru, yang merangkumi tugas-tugas yang ada di dalam SPP dan sebagainya. Kita rasakan banyak lagi perkara yang perlu dilihat di mana taburan dan penempatan guru-guru haruslah dibuat dengan cara lebih rasional di mana permasalahan individu tenaga guru berkenaan janganlah dijadikan sebab-musabab mengapa satu sekolah tidak diisi dengan jawatan yang begitu penting dan perlu kepada sistem pendidikan kita yang ada pada hari ini. Janganlah dijadikan masalah tidak boleh sama duduk mengajar di satu sekolah menjadikan sebab untuk guru-guru itu tidak boleh ditempatkan. Saya rasa kaedah atau peraturan ini harus digubal semula.

Syarat yang mengatakan bahawa guru-guru yang bersuami-isteri tidak boleh mengajar di satu sekolah yang sama, harus kita pecahkan, jangan menggunakan sistem yang demikian kerana yang menjadi mangsa ialah sekolah dan masyarakat yang berkenaan. Walaupun kita hendak menjaga segi perkhidmatan kepada guru-guru berkenaan, pada saya tidak ada yang boleh menghalang untuk seseorang guru yang bersuami-isteri itu duduk bersama-sama di satu sekolah dan mengajar di satu sekolah yang sama, melalui jurusan yang berlainan. Jadi, jangan pula dijadikan sebab dan alasan mengapa guru-guru itu tidak boleh ditempatkan di sekolah yang sama oleh kerana mereka

suami-isteri. Kalau perkara ini telah dilaksanakan, saya mengucapkan syabas dan kalau belum haruslah dilihat, janganlah menyebabkan anak-anak bangsa kita kehilangan pendidikan dan sekolah-sekolah tidak dibekalkan dengan guru-guru.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan kenaikan pangkat. Kita lihat pada waktu ini kenaikan pangkat dibuat dengan secara lebih teliti, dengan tidak mengambilkira masalah pengalaman kepada seseorang guru itu, hanya kelulusan yang dititikberatkan. Jadi, haruslah diseimbangkan kelulusan dan juga pengalaman haruslah dikaji bersama menjadikan syarat utama dan merit seseorang itu boleh ditimbang di dalam kenaikan pangkat, janganlah pula sampai ada golongan guru-guru yang begitu berpengalaman kecewa dengan tidak adanya syarat-syarat kelulusan di dalam bidang pendidikan seperti diploma dan sebagainya.

Kita harus melihat bahawa guru baik yang lama mahupun yang baru adalah merupakan pendidik untuk anak bangsa kita di masa-masa akan datang. Di samping itu Tuan Pengerusi, keutamaan haruslah diambilkira kepada seseorang guru yang datang daripada tempat-tempat yang berkenaan, jangan kita mengambilkira fakta-fakta lain, sedangkan anak tempatan itu tidak diambilkira di dalam soal kenaikan pangkat.

Kita akan melihat kekosongan guru-guru yang berlaku begitu lama, dua-tiga bulan ditanggung oleh seseorang guru penolong kanan dan sebagainya untuk menunggu ketibaan guru yang ditukarkan kepada pihak-pihak yang lain.

Jadi, apa salahnya kalau sudah guru-guru berkenaan yang layak dipertimbangkan, sudah memangku dua-tiga kali, guru besar datang dua-tiga bulan - tukar, pengetua datang dua-tiga bulan - tukar, masih orang yang sama memangku dan menanggung kerja. Tetapi apabila datang yang baru mereka turun balik menjalankan kerja-kerja yang biasa. Jadi, haruslah kita perhatikan terutamanya kepada pendukung-pendukung parti - harus kita lihat. Ramai guru kita yang menjawat jawatan di dalam parti umpamanya, tidak kiralah dalam Barisan Nasional dan sebagainya, sokongan mereka telah ditunjukkan kepada negara, tetapi di dalam perkhidmatan mereka ini diketepikan, di kalangan pendukung-pendukung parti. Ini boleh kita lihat, kerana mereka dibenarkan berparti dan berpolitik, tetapi di dalam bab untuk kenaikan pangkat mereka ini diketepikan, seolah-olah mereka ini orang baru. Perkara ini harus kita lihat dan saya dapati satu keadaan yang begitu agak menyusahkan. Ada di kalangan guru-guru besar di sekolah-sekolah ini yang bergiat di dalam bidang dakwah songsang, dengan tabligh dan sebagainya, yang tidak langsung mendapat makluman daripada pegawai-pegawai pendidikan daerah umpamanya sehinggakan ada pihak yang menyuarakan sampai kepada golongan politik mengenai perkara ini, kerana dakyah yang dibawa dan gerakan yang dibawa itu amat merbahaya. Bagaimana mungkin boleh kita membina satu semangat pendidikan yang baik sekiranya guru itu jiwanya telah dinodai dengan fahaman-fahaman sedemikian, yang tidak langsung diambilkira oleh pegawai-pegawai pendidikan daerah dan sebagainya. Jangan tunggu ada kompelin, tetapi

haruslah turun ke bawah dan melihat kepada gerakan-gerakan yang dijalankan. Guru-guru besar haruslah diutamakan kepada anak-anak tempatan. Ini harus kita lihat balik semula, kalau dahulu memanglah dasar penempatan pegawai dan juga kakitangan tidak mengambilkira, tetapi oleh kerana ini merupakan faktor untuk mempertingkatkan perkhidmatan seseorang guru itu harus diambilkira, mungkin dia lebih senang dan rela berkhidmat di tempat mereka sendiri, di negeri mereka, di daerah mereka atau di kampung mereka - ini harus kita ambilkira. Jangan kalau dia layak untuk menjadi guru besar ditempatkan di tempat yang lain, haruslah diberikan keutamaan.

Di Jelebu ada satu kawasan Dewan Undangan Negeri, yang saya tengok satu pun tidak ada guru besar daripada anak tempatan sama ada penolong kanan atau sebagainya. Maka mereka layak untuk duduk sebagai guru besar, tetapi diketepikan. Jadi, perkara ini harus kita lihat semula Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu saya ingin menyentuh Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak JAKIM, khususnya Jabatan Perdana Menteri kerana Pusat Pemurnian Akidah yang telah dibina di Jelebu di atas tapak seluas lebih kurang 10 ekar telah pun hampir siap. Bagi pihak rakyat Jelebu saya merakamkan tahniah kepada kerajaan.

Saya juga difahamkan lebih kurang 10% sahaja pembangunannya akan siap dan tidak berapa lama lagi mungkin pada bulan Januari akan dapat beroperasi. Apa yang harus kita lihat Tuan Pengerusi, diharaplah di masa-masa akan datang, kalau boleh jabatan-jabatan berkenaan yang mempunyai projek-

projek yang besar, yang sedemikian berikan keutamaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan, bersepah, berpuluh pemegang-pemegang kelas F ataupun BX di dalam satu-satu daerah itu, berikan keutamaan. Takkanlah hendak pasang pagar, hendak pasang parit, pasang longkang dan sebagainya hendak beri kepada kontraktor induk yang didatangkan kakitangannya atau buruhnya daripada luar. Jadi, kita kenalah memberikan keutamaan.

Kita mengucapkan tahniah di atas wujudnya Pusat Pemurnian Akidah ini. Tetapi kalau besok, jika hendak dikontrakkan kantinnya, maintenance kawasannya luar dan dalam pembekalan makanan, bahan mentahnya haruslah dilihat kepada kebolehan dan kemampuan pemegang-pemegang lesen yang berkaitan di daerah-daerah yang tertentu. Jadi, saya menuntut bagi pihak rakyat Jelebu supaya perkara ini diambilkira. Begitu juga dengan supply membekalkan peralatan perabot, tikar bantalnya, tilam, katil dan sebagainya. Saya mintalah supaya perkara ini dilihat dan diberikan keutamaan kepada mereka yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah tentang Pusat Latihan Kementerian Penerangan yang dijangka akan dibina di atas tapak seluas lima puluh ekar di Jelebu juga, berhampiran dengan Pusat Pemurnian Akidah. Kita merakamkan ucapan tahniahlah kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Penerangan, tetapi apa yang menjadi masalah sekarang ialah pihak Unit Perancang Ekonomi yang saya difahamkan dalam proses membuat ketetapan untuk projek ini dapat dilaksanakan. Kita mengucapkan tahniah dan

mohon supaya EPU dapat menyegerakan perkara ini kerana projek yang dijangkakan sebanyak RM25 juta ini akan dapat dilaksanakan dalam tahun ini juga. Jadi, kita berharap tempat sudah sedia, cuma kelulusan secara totalnya daripada pihak EPU haruslah dapat disegerakan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah mengenai Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan JPM. Saya berharap perkara ini dapat dilihat secara menyeluruh. Saya tidak membawa daripada mana-mana pihak dan menyatakan sesuatu pihak sahaja. Kita harap pelaksanaan projek-projek pembangunan ini haruslah diteliti, kerana banyak rungutan daripada kontraktor-kontraktor, segala program dan projek yang kecil-kecil yang dibuat melalui peruntukan wakil rakyat, peruntukan negeri, pusat dan sebagainya. Perlaksanaan kualitinya begitu menurun sekali. Kalau jambatan yang dibina sepatutnya sepuluh tiang, hanya lapan tiang. Apabila datangnya banjir, dibelasahnya selesai.

Yang keduanya, kalau jalan itu sepatutnya enam inci ketebalan jalan dan premixnya saja dibuat tiga inci. Jadi, bagaimana mungkin perkara ini dapat bertahan lama. Bagaimana mungkin dapat kita memanfaatkan duit kerajaan, duit rakyat yang disalurkan, kerana yang menggunakan kemudahan ini ialah rakyat di kampung-kampung. Kalau juruteknik jalan atau pegawai-pegawainya itu sekali-sekali sahaja datang. Tetapi orang kampunglah yang memanfaatkan jalan-jalan dan pembangunan-pembangunan yang dibuat. Kalau sepatutnya dua belas kaki kenapa dibuat sepuluh kaki dan sebagainya. Harus dilihat peranan

technician dan jangan diserahkan seluruhnya ini kepada technician sahaja, haruslah diambilkira oleh pegawai-pegawai yang mentadbir sesuatu projek itu.

Saya mencadangkan ketua-ketua kampung ini diberilah kursus-kursus teknikal yang berkaitan supaya mereka juga boleh terlibat sama di dalam sesuatu projek yang dibuat di tempat mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sedikit lagi Tuan Pengerusi, saya hendak gulung. Beri saya sedikit masa lagi. Itu saya mencadangkan, supaya mereka ini tahu, kalau hendak periksa jalan itu dia tahulah, jika kontraktor itu kata dia buat sahaja, dia tidak ukur lagi - RM40,000 sepanjang sekian-sekian, tetapi apabila sudah siap hanya sekian-sekian kepanjangannya. Perkara ini berlaku, ini mainan kontraktor. Jadi, harus kita lihat balik semula dan saya berharap sekiranya ketua-ketua kampung ini diberikan pengetahuan akan dapat digunakan dengan baik.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan JPA. Kita selalu mendapat rungutan, kadang-kadang seseorang ketua jabatan itu duduk terlalu lama di dalam satu jabatan, di peringkat daerah, negeri dan sebagainya - berilah mereka ini peluang bertukar-tukar angin, bertukar-tukar cuaca, bertukar-tukar tempat untuk berkhidmat. Janganlah kita letakkan di satu-satu tempat itu berpuluh-puluh tahun. Di Unit Perancang Ekonomi, di Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan JPM, di MAMPU dan sebagainya. Ada yang lebih daripada lima tahun, lebih

daripada sepuluh tahun. Di Treasury umpamanya. Jadi, perkara ini harus dilihat, jangan kita dera mereka, berikan mereka peluang-peluang untuk duduk di daerah, di negeri dan sebagainya. Ramai lagi yang berkebolehan, kita ada doktor, kita ada profesor dan sebagainya dalam Perkhidmatan Awam. Jadi, harulah diberi keutamaan kepada mereka ini dan jangan kita dera mereka. Jangan letak di situ berpuluh-puluh tahun, supaya mereka ini dapat mempertingkatkan kemahiran mereka untuk membangunkan negara.

Satu perkara lagi jangan menjadikan SSB itu sebagai ikatan untuk seseorang pegawai itu ditempatkan di sesuatu kawasan, kerana kalau ditukarkan terpaksa dibayar elaun perpindahannya. SSB memperuntukkan sekian banyak untuk layak dituntut dan sebagainya oleh pegawai dan jangan jadikan SSB ini sebagai fakta untuk mengikat pegawai. Berikan mereka ruang dan juga peluang untuk mereka dapat berkhidmat di lain-lain jabatan dan tempat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Yunus bin Rahmat: Habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih 4 minit Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Lebih 4 minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Bukan 10 minit Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak, sekarang Yang Berhormat sudah berucap 14 minit.

Tuan Yunus bin Rahmat: Ya, 14 minit!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Orang lain dapat 10 minit.

Tuan Yunus bin Rahmat: Lebih 4 minit, Tuan Pengerusi. Jadi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nanti ada yang kompelin, Yang Berhormat diberi lebih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jabatan Perdana Menteri menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tahu Yang Berhormat, dalam Jawatankuasa boleh tanya dua kali, tiga kali, tetapi mengikut pandangan saya sampai masanya untuk Jabatan Perdana Menteri menjawab. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah bersedia.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, bolehkah saya mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita sedia maklum Yang Berhormat, bahawa boleh tanya dua kali atau tiga kali.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tetapi pertimbangan saya bahawa Jabatan Perdana Menteri harus menjawab sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kerana demi kepentingan.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: di dalam pertimbangan kita harus diselesaikan dalam masa yang telah ditetapkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Tetapi kalau kita mengikut jadual perbincangan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu hanya panduan, Yang Berhormat. Ini hanya panduan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, panduan, tetapi kita panduan kerana kita semua mesti mengikut panduan. Kalau ikut panduan - panduan ialah Jabatan Perdana Menteri dijadualkan untuk dihabiskan pada hari Isnin, sekarang hanya hari Khamis. Kalau begitu saya rasa kita masih ada masa

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat,....

Tuan Lim Guan Eng: untuk dilangsungkan dengan lebih lama lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup!
Cukup!

Tuan Lim Guan Eng: Dan saya rasa ini adalah kali pertama di mana singkatan sebanyak 10 minit.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri sudah bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ianya adalah tidak adil untuk ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, perkara ini.....

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya minta bahawa, kalau kita mengikut panduan apakah gunanya panduan kalau ianya tidak diikuti.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat,

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Perkara ini berlaku tiap-tiap tahun, Yang Berhormat lama di dalam Parlimen ini.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Biasanya di Parlimen ialah....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kadangkala jadual kita ini adalah panduan sahaja. Kadang-kadang ada

kementerian yang sangkut lebih daripada yang ditetapkan, kita kena kaitkan untuk kementerian yang Yang Berhormat diperuntukkan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau ada masa kita boleh berikan peluang untuk membolehkan seseorang ahli Parlimen berucap lebih daripada sekali dan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita mengikut pertimbangan....

Tuan Lim Guan Eng: ini hanya hari pertama sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:mengikut kebiasaan kita Yang Berhormat, dalam pertimbangan kita, kita selalu extend maximum days.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi macam ini saya rasa untuk 10 minit, memang tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Okay, selepas ini kita akan timbang.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, Kota Melaka.

Seorang Ahli: 120 minit tidak cukupkah?!

Seorang Ahli: Buat Parlimen sendirilah!

Tuan Lim Guan Eng: Memang tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah berdiri 4 minit menunggu ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab ini - saya hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Jawab pun singkat sahaja, hendak habiskan cepat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana you tahu singkat?

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak boleh tahan lama.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana you tahu singkat Kota Melaka?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana awak tahu singkat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada ukurkah dia punya?

[Ketawa]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau lebih saya tidak berhenti satu jam apa macam?

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Awak cakap baik-baik sedikit. *[sambil menunjukkan jari telunjuk ke arah Tuan Lim Guan Eng]*

Tuan Lim Guan Eng: Wah ini garanglah!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi,....

Tuan Lim Guan Eng: Tunjuk garanglah!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kepong, Yan, Kubang Kerian, Bagan, Tanjong, Pokok Sena, Tumpat, Bintulu, Kota Melaka, Serdang, Mersing dan Jelebu yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, tidak betul sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka bahawa jawapan ini singkat. Sebab saya rasa pada hari ini pun tidak cukup saya hendak jawab ini. Jadi, saya terpaksa sambung pada hari Isnin, sebab itu jangan cakap, belum tahu!

Tuan Pengerusi, 10 minit satu orang pun kalau dua belas orang berucap sudah jadi 120 minit (dua jam) - banyak, takkan saya hendak jawab dalam 10 minit dua jam punya perbahasan ya? Oleh sebab itu, saya minta ruang kalau tidak habis pada hari ini mungkin 20 minit lagi pada hari Isnin saya terpaksa menyambung.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong - perkara ini banyak dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Parlimen, beliau telah meminta supaya bilik berita perlu diubahelokkan kerana telah berumur tiga puluh tahun. Jabatan Parlimen akan berusaha untuk memperbaiki dan

mempertingkatkan bilik berita dan semua bilik yang telah lama dan kurang selesa.

Pada hari ini pun kalau kita tengok iaitu berbagai-bagai peningkatan terhadap Parlimen ini yang berumur lebih daripada tiga puluh tahun telah pun dibuat. Jadi, sebab itulah kita tidak lupa kepada pemberita kita yang begitu ramai, sampai petang menunggu, jadi kita akan berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan bilik mereka ini.

Yang Berhormat dari Kepong juga bercakap tentang *Hansard* yang banyak dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan. *Hansard* mahu supaya dicetak, ditulis dengan baik, tepat dan jitu. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa memanglah itu menjadi hasrat jabatan untuk terus memperbaiki mutu pengeluaran *Hansard* dari masa ke semasa. Masalahnya ialah sepertimana kita semua maklum iaitu bahawa jawatan Pelapor yang dikatakan ada dua belas sebenarnya, hari ini tinggal dua atau tiga sahaja, maka ada kekosongan.

Sekarang ini ada kekosongan dan pihak Parlimen sebanyak enam kali jawatan Pelapor Perbahasan ini telah diiklankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Parlimen tetapi tidak mendapat sambutan - enam kali kita iklankan. Walau bagaimanapun, Jabatan Parlimen akan terus berusaha untuk mengisikan jawatan tersebut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan juga telah membangkitkan soal yang sama berkenaan dengan Pelapor, iaitu gaji kakitangan Pelapor

Perbahasan Parlimen kalau boleh dicadangkan untuk dinaikkan bagi menarik pemohon-pemohon untuk menjawat jawatan ini. Jabatan Parlimen telah pun mengemukakan perkara ini kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan perkara ini sedang dalam kajian pihak JPA.

Ahli Yang Berhormat dari Yan juga telah membangkitkan berkenaan dengan soal protokol, iaitu kedudukan ahli-ahli Parlimen dalam majlis-majlis yang telah diadakan di peringkat negeri. Perkara ini telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan peringkat dasar tidak lama dahulu.

Kita semua sedia maklum iaitu bahawa susunan keutamaan negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Sebarang cadangan untuk mengkaji kedudukan protokol ahli-ahli Parlimen, adalah atas kerajaan-kerajaan negeri apabila ianya didapati perlu. Walau bagaimanapun daripada pemerhatian jabatan ini, kedudukan protokol ahli-ahli Parlimen adalah tinggi jika dibandingkan *vis-a-vis* dengan kedudukan pegawai daerah mengikut susunan, keutamaan kerajaan-kerajaan negeri, kerana dalam perbahasan banyak dibangkitkan perbandingan di antara kedudukan ahli-ahli Parlimen dengan pegawai daerah.

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, perbandingan kedudukan protokol ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai daerah mengikut susunan keutamaan Kerajaan Negeri Johor, kedudukan ahli

Parlimen ialah di nombor 10, sementara kedudukan pegawai daerah ialah di tahap nombor 16.

Bagi Negeri Sembilan pula kedudukan ahli Parlimen ialah di nombor 16, sementara kedudukan pegawai daerah adalah di nombor 18. Bagi negeri-negeri lain kedudukan protokol ahli-ahli Parlimen dan pegawai daerah memang berbeza di mana kedudukan ahli-ahli Parlimen adalah lebih tinggi daripada pegawai daerah di mana-mana pun. Sungguhpun begitu kadangkala kedudukan protokol ini akan berubah apabila ianya dikurniakan dengan darjah kebesaran yang bergelar mengikut kedudukan darjah kebesaran yang diterimanya. Ini kadang-kadang ia berubah, walaupun dia pegawai daerah, tetapi kalau dia dapat pengurniaan negeri, maka negeri akan mengutamakan dan ini bukanlah.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Ini bukanlah kerana jawatan, tetapi ini ialah kerana pengurniaan kebesaran yang diberikan kepada orang yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi, Yang Berhormat kata nombor 16 bagi Negeri Sembilan. Kemudian ada

negeri lain nombor 10. Jadi kita ini duduk 'puluh dengan belas' sahaja. Kemudian kalau hendak kira kebesaran ini, yang besarnya rakyat pilih. Kadang-kadang satu kawasan itu sampai ratus ribu rakyat. Jadi, rakyat yang menentukan kita. Oleh itu, tidak bolehkah kita beritahu.

Lagi satu Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak kita sungguh pun berkhidmat di Kuala Lumpur sebagai wakil rakyat Parlimen, tetapi negeri yang kita wakili itu ialah negeri Kedah. Macam saya negeri Kedah, kalau Yang Berhormat Jelebu dan kalau macam anak teruna kita [*kepada Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis*] hari ini pakai baju Melayu hendak ajak makan kendurikah malam ini? Selalu hari Jumaat, tetapi hari ini beliau pakai. Silap hari!

Mengenai negeri Pahang. Kita wakil negeri itu dan kadang-kadang Tuan Pengerusi, bukan kita hendak minta tanah, tetapi ada di negeri-negeri yang pegawai-pegawai kerajaan itu diberi hak boleh membeli tanah kerajaan dengan harga yang istimewa. Kalau dia pegawai kerajaan misalnya DO atau pegawai tadbir negeri dan sebagainya dia boleh dapat tanah, seorang sepuluh ekar, satu-satu lot buat rumah. Kita ini jangan kata lot, entah-entah lot yang enam kaki itu pun kita kena book, kalau tidak dibubuh kita di mana. Jadi, ini kita hendakkan keadilan, bukanlah kita hendak tuntutan - tidak, sekurang-kurangnya ada pertimbangan, apa hendak buat. Kita pun rasa jauh hati kadang-kadang pegawai pentadbir negeri dapat, tetapi pegawai tadbir Persekutuan pun tidak dapat. Negeri dapat lot tanah dengan harga yang cukup murah RM1 atau

lima kupang sekaki - sudahlah kita diletakkan di tepi, itu tidak kisah sangat, tetapi hendak catat dalam ini sahaja, bahawa wakil rakyat jangan diletakkan di tempat yang 'belas-belas' ini, sedih sangat Yang Berhormat hoi! Terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelebu bangun, hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap, saya hendak jawab dahulu, nanti saya lupa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, satu-satu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya pun ahli Parlimen juga dan saya berhadapan dengan masalah yang sama, tetapi kita sebenarnya mewarisi sistem pentadbiran iaitu pentadbiran Persekutuan dan kita juga ada pentadbiran negeri-negeri. Maka oleh hal yang demikian dia ada perbezaan, apabila sampai kepada negeri itu, maka keutamaan diberikan kepada negeri.

Saya memahami apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, kerana kalaulah negeri itu memberi sesuatu award, dengan izin, jadi sudah tentu dia akan memberikan award itu kepada mereka yang berkhidmat kepada negeri. Kita ini dianggap sebagai berkhidmat kepada Persekutuan, sebab itu kadangkala ahli-ahli Parlimen ini selalunya dia 'over look' dalam hal ini. Walau bagaimanapun saya fikir oleh kerana saya rasa perkara ini boleh

diselesaikan dengan soal politik, saya merasakan iaitu bahawa saya boleh membangkitkan perkara ini, kerana ini disabitkan oleh Menteri-menteri Besar itu merupakan Ahli-ahli Majlis Tertinggi dan juga Perdana Menteri merupakan Presiden. Saya kira kalau dengan cara jalan politik kita mengarahkan supaya ketua-ketua negeri yang berketuakan kepada Presidennya Perdana Menteri. Saya kira mungkin ada jalan politik yang boleh kita selesaikan masalah ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang Ahli Yang Berhormat dari Yan katakan tadi dan jawapan Dato' Timbalan Menteri. Kita ini tidak kira, kita ini orang kampung - tidak ada hal, tetapi orang yang tahu itu kena buat kerjalah, tahulah. Saya bimbang perkara ini akan menjadi satu amalan yang sebenarnya bukannya peraturan, sebab peraturan itu dikebelakangkan, amalannya, lazimnya itu yang dibuat. Dan satu perkara saya hendak tahu apakah sebenarnya unit protokol dan Dewan Negeri-negeri ini dia faham sebenarnya peraturan ini? Apakah mereka ini diberikan kursus yang sebenarnya? Sebab kadang-kadang dalam satu-satu majlis di peringkat negeri, ahli Parlimen itu duduk di belakang ADUN, sama dengan pegawai daerah, badan besar badan kita lagi. Ada pula di belakang pegawai daerah, jadi mungkin di peringkat pusat perkara ini nampak standard, tetapi perlaksanaannya, lazimnya, amalannya di peringkat negeri dan daerah ini begitu memalukan. Sebenarnya kita tidak malu, kita tidak ada hal, tidak ada masalah sebenarnya, di mana pun kita boleh duduk, tetapi apakah kita ini yang diangkat oleh rakyat kalau macam Jelebu mempunyai 48,000

pengundi, wajar duduknya di situ, sedangkan di ADUN cuma 6,000 pengundi sahaja duduk di hadapan kita? Jadi malu kerana kita ini wakil pusat dan kadang-kadang memang mereka ini tahu kita ini wakil pusat, kalau kita tidak balik pun dia kata kita ini wakil rakyat Kuala Lumpur, hendak pula khidmat kita. Tetapi memanglah kita banyak berurusan dengan kementerian di peringkat pusat, sesuai dengan jawatan sebagai ahli perniagaan.

Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Yan tadi, memang disebutkan di dalam GO, boleh kakitangan kerajaan itu dibenarkan memiliki tanah kerajaan sebanyak 20 ekar tidak lebih, yang minta ditolak, kononnya dia kerja di kementerian, di jabatan, tetapi dia anak watan, kenapa ini tidak dipertimbangkan, ini yang kita hendak beritahu kerajaan negeri. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, apa yang dilakukan ini bukan amalan dan pelaksanaan yang sengaja dilakukan oleh pegawai-pegawai di peringkat negeri.

Saya memahami bahawa pegawai-pegawai kerajaan dia mengikut protokol. Sebenarnya ini protokol negeri, bukan dia memandai diri, maknanya kalau pejabat daerah dia sengaja buat merupakan amalan. Ini bukan amalan, ini protokol negeri dan saya tahu pegawai kerajaan dia memang ikut protokol. Sebagai contoh dalam protokol negeri, Timbalan Menteri tidak ada tempat, sebab itu saya duduk dengan ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi, saya rasa tidak tepat kalau kita hendak menyatakan bahawa ini merupakan masalah amalan dan pelaksanaan. Ini sebenarnya

protokol negeri dan pegawai-pegawai kerajaan di peringkat negeri hanya mengikut protokol negeri.

Saya telah sebut tadi kita mewarisi sistem pentadbiran dua, iaitu Persekutuan dan negeri dan oleh kerana itu saya fikir bahawa jalan yang baik untuk kita mengatasi masalah ini ialah dengan jalan politik, sebab saya percaya kalau kita buat menerusi negeri pun, negeri mempunyai Sultan-sultan dan mereka hendak memberi keutamaan kepada orang-orang besar mereka dan orang yang mendapat anugerah. Sebab itu soal-soal negeri ini, di peringkat negeri ini dia mengatasi soal-soal Persekutuan. Jadi, saya ingat masalah ini hanya boleh diselesaikan dengan cara politik dan hendaklah kita semua menyampaikan masalah ini.....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Mersing bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak cukup satu hari nampak! *[kepada Tuan Lim Guan Eng]*

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Pengerusi, saya tertarik hati dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Jelebu sebentar tadi berkenaan dengan protokol. Satu perkara lagi yang saya hendak tambah iaitu berkenaan dengan jemputan, jemputan pun kadang-kadang saya nampak macam itu untuk kita ahli-ahli Parlimen ini, selalu kita diketepikan, selalu kita ditinggalkan. Saya beri satu contoh baru-baru ini Duli Yang Maha Mulia

Sultanah Johor datang melawat ke Mersing. Saya tidak dijemput sebenarnya. Pada awalnya saya memang tidak dijemput. Saya tidak faham kenapa, saya bukanlah macam rakan saya dari Jelebu itu, bukanlah kita hendak pergi sangat, saya pun duduk di Kuala Lumpur - jauh, hendak balik ke tempat saya kalau majlis diadakan in between minggu itu. Tetapi yang pentingnya bukan diri saya, yang pentingnya ialah orang ramai (rakyat) mereka akan tertanyanya di manakah ahli Parlimen kita, di manakah wakil rakyat kita? Bagaimanakah pandangan mereka pada saya, adakah saya mempunyai masalah dengan pihak pentadbiran? Saya sebenarnya tidak mempunyai masalah dengan pentadbiran, hubungan baik, tetapi saya tidak tahu di mana silapnya. Nasib baik saya mempunyai hubungan yang baik dengan pegawai daerah dan pegawai daerah telah mengarahkan supaya semua wakil rakyat dijemput. Jadi, di dalam hal ini saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau Sultanah turun ke Mersing, itu soal negerilah. Tetapi kalau Agong turun, kalau Perdana Menteri turun saya percaya kita akan dapat jemputan daripada pejabat daerah atau pejabat negeri untuk meminta kita hadir, kerana majlis itu ialah majlis Persekutuan yang dihadiri oleh Agong atau Perdana Menteri. Sebab itu saya ingat kalau dalam soal negeri ini kita kena fahamlah bahawa bila negeri sahaja, maknanya Ahli Dewan Undangan Negeri.

Saya faham masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat kerana saya pun hadir. Saya juga ahli Parlimen jadi saya pun tahu, tetapi kalau orang tidak jemput saya tidak datanglah. Sebab saya anggap tugas saya yang mana kalau Perdana Menteri turun saya kena mendapat jemputan sebab Perdana Menteri itu saya punya Perdana Menteri kerana saya bertugas di Persekutuan. Tetapi kalau Sultan yang turun, saya ingat, kalau protokol negeri hanya mengiktirafkan ADUN, jadi kita tidak boleh marah dia, sebab itu protokol negeri. Kalau kita cakap lima atau enam jam pun saya faham masalah itu. Apa yang perlu kita perbaiki ialah tukar protokol negeri, ini kita kena buat, selagi kita tidak tukar protokol negeri, sebab itu dalam hal ini saya ingat kita terpaksa, kalau di sini kita tidak dapat mengatasi masalah ini kita kena ambil perhatian seperti saya sebutkan sebentar tadi iaitu bahawa kita gunakan jalan politik, iaitu oleh kerana ketua-ketua politik negeri itu adalah duduk di bawah ketua politik negara kita, maka kita minta buat cara jalan politik. Jadi, itu caranya saya ingat untuk menyelesaikan masalah, kita mesti buat cara ini dengan jalan politik dan insya-Allah saya percaya iaitu dengan rakan-rakan kita yang duduk dalam satu parti yang sama dalam Ahli Majlis Tertinggi kita akan bangkitkan perkara ini supaya arahan yang datang itu ialah arahan politik. Kalau arahan negeri, kerajaan negeri, saya rasa macam yang lama jugalah.

Saya faham Yang Berhormat dari Yan, Jelevu dan Mersing, kita memang dipilih oleh berpuluh ribu orang, tetapi masalahnya ialah kerana kita mewarisi dua sistem pentadbiran. Satu Persekutuan, satu negeri dan masing-

masing ada caranya. Macam soal tanah jugalah, macam soal air - air ini kita sudah hendak selesai, begitu juga negeri kata, ini kuasa saya. Soal tanah negeri kata kuasa saya, pada juga kita merasa hairan, bukankah negeri itu dalam Malaysia, bukan kita berkuasa, tetapi kita mewarisi sistem ini, daripada penjajah. Jadi, tidak semudah itu yang kita fikirkan kalau kita hendak menyelesaikannya, melainkan kalau ada political will, mesti ada kesungguhan politik untuk kita menyelesaikan masalah ini, saya percaya kita boleh selesai.

Yang Berhormat Kota Melaka tengok tidak sempat hari ini menjawab.....

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun di sebelah belakang.

Tuan Lim Guan Eng: So childish!

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, oleh kerana topik ini hangat, walaupun saya Timbalan Menteri, saya ada juga benda yang ingin mendapat penjelasan.

Saya hendak beritahu pada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bahawa di negeri saya, walau saya Timbalan Menteri, tetapi saya duduk di bawah daripada Setiausaha Kerajaan Negeri. Saya hendak tahu apakah prinsip protokolnya?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, prinsip protokolnya ialah dalam Mesyuarat Exco negeri, Yang Berhormat tidak boleh

hadir. Yang Berhormat tidak boleh hadir dalam Mesyuarat Exco negeri, yang boleh hadir ialah Menteri Besar, Exco-exco dan kemudian Setiausaha Kerajaan. Begitu juga dengan kita punya Setiausaha KSU, protokolnya tinggi daripada kita, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, ini bukan satu perkara yang luar biasa, maknanya kalau ia diamalkan di peringkat Persekutuan, yang mana Ketua Setiausaha Negara, KSN dia hadir Mesyuarat Kabinet dan kita Timbalan Menteri tidak boleh hadir, sudah tentu protokolnya lebih tinggi daripada kita. Sebab itu macam di negeri Setiausaha Negeri protokolnya lebih tinggi daripada Timbalan Menteri, sebab itu protokol negeri. Jadi, sebab itu perkara ini bukan mudah untuk kita menyelesaikan, mesti ada kesungguhan politik.....

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, hendak beri juga.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kota Melaka nampak sudah 30 minit ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya minta maaf kerana bangkit dua kali. Kalau dengan prinsip yang sama maka peranan menteri pun tidak ada dalam Exco Kerajaan Negeri. Maka Perdana Menteri patut duduk di belakang Menteri Besar dalam protokol negeri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perdana Menteri kita tahu protokol dia dalam negeri semua dia adalah antara yang tinggi. Maknanya

apabila di dalam Majlis di peringkat negeri, kalau Yang Berhormat tahu, Perdana Menteri selalu dijemput untuk hadir dan dia merupakan orang yang diraikan. Jadi kalau orang yang diraikan takkan hendak letak di bawah daripada setiausaha, orang yang diraikan mesti diutamakan. Saya tidak pernah tengok lagi Perdana Menteri tidak diraikan, dia diraikan kerana protokolnya tinggi, walaupun di peringkat negeri, sebab itu dia diletakkan di tempat yang tinggi, kerana di mana sahaja dia pergi, dia diraikan. Kalau orang yang kita raikan dalam majlis, katakanlah kalau kita pergi ke majlis perkahwinan, misalnya saya pergi ke majlis perkahwinan anak saudara Yang Berhormat dari Yan hari itu, saya pergi walaupun saya Timbalan Menteri, tetapi kita rai dialah, sebab kita rai anaknya, anaknya tokoh lebih tinggi lagi daripada saya lagi, dia duduk di tengah makan, saya di sebelah dia. Jadi, apabila orang itu diraikan, betul atau tidak Yang Berhormat Yan saya pergi hari itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Betul!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul. *[Ketawa]* Jadi sebab itu.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Rompin bangun lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah 35 minit, Yang Berhormat dari Kota Melaka - lama. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Perli.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya sedikit, kalau di peringkat negeri, jika kita buat gaji sebagai bandingan, kita ada Skim Perkhidmatan Negeri atau Skim Perkhidmatan Peringkat Persekutuan (Federal), tetapi boleh kita selaraskan, tidak bermakna kalau kerajaan negeri dia boleh bayar pegawainya tinggi daripada KSN, dia ada bandingan scalanya. Oleh kerana itu tidakkah sampai masanya diselaraskan protokol ini, protokol negeri tidak boleh 'super seat', dengan izin, dengan protokol peringkat Federal. Adakah sudah sampai masanya diselaraskan, mungkin tadi Datuk mengatakan ada pertimbangan ataupun cara politik atau ini merupakan salah satu usaha yang Datuk nampak mungkin akan difikirkan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat dari Rompin dia ada dua perkara yang kita warisi daripada penjajah dahulu, yang kita terima pakai sampai sekarang, iaitu soal agama dengan adat istiadat Melayu ini, itu adalah hak kerajaan negeri dan protokol ini terletak di bawah hak adat istiadat orang Melayu, sebab dia terletak di bawah Sultan. Oleh sebab itu kalau kita hendak tukarkan perkara ini, kita hendak kena mengadap Sultan dahululah, sebab itu kalau Yang Berhormat tengok macam soal agama kita hendak selaraskan pentadbiran agama, betul, kita kerajaan pusat, kita boleh buat, tetapi kita kena ingat bahawa hal agama ialah di bawah kerajaan negeri dan khusus di bawah Sultan-sultan, sebab itu kita kena mengadapnya dahulu beri penjelasan kepada dia.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap ya, Yang Berhormat saya akan beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu protokol ini adalah merupakan di bawah adat istiadat orang Melayu. Protokol ini maknanya peraturan, cara hendak mengadap Sultan, jadi dia merupakan protokol di bawah adat istiadat Melayu dan kita tidak boleh sewenang-wenangnya dan kita kena mengadap dahulu dan kena memberi penjelasan, kalau dia setuju okaylah, kalau tidak - tidak.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita di Malaysia ini untuk hendak menyelaraskan, di peringkat Sultan-sultan kita ada Majlis Raja-raja, selepas itu di peringkat Menteri-menteri Besar kita ada Mesyuarat Menteri-menteri Besar di mana Perdana Menteri menjadi pengerusi. Selepas di peringkat agama semua Majlis Yang di-Pertua-Yang di-Pertua atau Mufti-mufti tiap-tiap negeri dia ada satu jawatankuasa, takkan tidak boleh adakan satu jawatankuasa untuk pegawai-pegawai protokol menjadi satu jawatankuasa di mana yang menjaga protokol di peringkat pusat ini menjadi pengerusi supaya dapat diselaraskan perkara ini, jadi tidak gaduh bawa pergi ke MKT untuk

memberitahu. Kadang-kadang perkara ini sedikit memalukan juga, orang kata Yang Berhormat dari Yan hendak tinggi sangat macam-macam. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kebulur sangatkah!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jadi, perkara itu simple sahaja, buat satu jawatankuasa protokol di peringkat pusat, panggil semua pegawai-pegawai yang menjaga protokol di tiap-tiap negeri itu berbincang di mana kita hendak letakkan Yang Berhormat Yan ini. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Pokok Sena, saya jelaskan tadi bahawa protokol ini adalah soal adat istiadat, jadi macam soal agama juga, ia kena bincang direct terus-menerus dengan Sultan-sultan dan mereka bersetuju pada hari ini untuk melantik Sultan Perak menjadi pengerusi, jadi kena bincanglah.

Seperti negeri Perak ia ada empat Orang Besar, lapan Orang Besarnya, dalam protokol negeri Kedah mungkin tidak ada. Jadi, dia dengan izin, peculiar kepada kerajaan negeri yang berkenaan. Sebab itu perkara ini tidak boleh selesai dengan hanya ada satu jawatankuasa untuk menyelesaikan masalah ini, kerana kena tanya balik pada Sultannya sama ada boleh atau tidak. Oleh sebab itu, ini adalah merupakan soal yang ada kaitan dengan adat istiadat Melayu, maka saya rasa perkara ini harus dibincang dan kena dibangkitkan kepada Majlis Raja-raja, kerana perkara ini melibatkan protokol yang ada kaitan dengan kepentingannya, dia pun tidak banyak benda lagi hanya agama dengan itu sahaja. Jadi, kalau hak ini pun kita ambil tentu marahlah dia. Tuan

Pengerusi, saya ingat habislah soal itu. Walau bagaimanapun kita akan ikhtiarlah untuk memastikan.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian dia tidak ada di sini. Dia telah membangkitkan mengenai soal mengapa kita tidak mendakwa bekas Hakim Syed Ahmad Aidid. Jadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa penyiasatan yang dijalankan dalam kes ini mendapati bahawa dakwaan dan tohmahan dalam surat layang itu adalah tidak benar dan tidak berlaku apa-apa salahlaku pada pihak para Hakim. Penulis surat layang memang telah dikenalpasti dengan positif dan beliau sudah pun meletakkan jawatan. Penyiasatan yang dijalankan dan perletakan jawatan itu telah dengan sendirinya menutup isu tersebut dan membersihkan nama baik badan kehakiman. Oleh yang demikian, Pendakwa Raya telah mengambil keputusan untuk tidak mengambil tindakan selanjutnya demi keadilan dan kepentingan awam. Jadi, tidak perlu takutlah kalau macam Kubang Kerian hendak pergi ke mahkamahkah hendak menghadapi Hakim sama ada benar atau tidak, benar atau tidak benar ini bukan berdasarkan kepada sama ada orang itu diambil tindakan ataupun tidak. Soalnya orang itu sudah mengaku, apa yang ditulis tidak betul - tidak betullah. Kalau orang yang menulis itu sudah kata tidak betul, siapa hendak kata perkara itu masih lagi 'betul' ataupun 'tidak betul', ini Kubang Kerian sengaja cari fasal sahaja. Saya fikir perkara ini sudah tidak berbangkit dan orang yang menulis sendiri sudah kata tidak ada kebenaran di atas apa yang ditulis, maka saya menyerulah kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya berhadapanlah

dengan Hakim kita tanpa bimbang sama ada mereka ini salah ataupun tidak sepertimana yang telah didakwa dalam surat layang yang telah pun diakui sendiri oleh bekas Hakim itu yang mengatakan tidak benar tentang apa yang telah ditulisnya.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga telah membangkitkan berkenaan dengan surat terbuka kepada Timbalan Perdana Menteri dan saya ingin menyatakan di sini mengenai Jabatan Peguam Negara. Dalam soal surat kepada Timbalan Perdana Menteri ini perkara ini masih dalam pertimbangan Peguam Negara, jadi belum ada keputusan yang mengatakan hendak dakwa atau tidak mahu dakwa, kerana itu belum lagi ada, ianya masih dalam pertimbangan Peguam Negara. Mana Yang Berhormat dari Kota Melaka keluarkah?

Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga telah membangkitkan berkenaan dengan mengapa mereka yang didakwa telah mengembangkan ajaran sesat tidak didakwa di dalam mahkamah. Dia kata banyak kali Mahkamah Syariah ini telah pun diperhebatkan dan macam-macamlah, sepatutnya sudah kukuh dan kalau kes-kes ajaran sesat ini tidak payah di bawah ISA, tetapi dibawa ke mahkamah. Tuan Pengerusi, dianya dibawa kepada ISA kerana ini adalah soal keselamatan, sebab soal agama, kepada agama Islam, kepada orang Melayu kita merupakan satu perkara yang sensitif. Oleh sebab itu kita mendakwa mereka di bawah ISA kerana kita mendapat maklumat-maklumat yang tertentu, tetapi kita belum mendapat bukti-bukti yang dimahukan dan

kalau kita membiarkan dia begitu sahaja, maka dia akan bertambah berkembang ajaran sesatnya dan ini akan membahayakan masyarakat. Bagi orang Islam (orang Melayu) kita tahulah bahawa agama Islam ini terlalu sensitif, sebab itu kita menahan mereka di bawah ISA sementara kita hendak mendapatkan bukti yang lebih dan jika ada bukti saya percaya kita akan mendakwa mereka di mahkamah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga membangkitkan masalah mahu supaya Badan Pencegah Rasuah bertindak segera. Saya ingat perkara ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam jawapan penggulangannya dalam peringkat dasar. Oleh sebab itu saya tidak ada hendak tambah melainkan saya ingin menyatakan di sini bahawa Badan Pencegah Rasuah - jangan bimbang dan jangan takutlah bahawa mereka tetap mengambil tindakan. Sebab saya telah sebut berkali-kali, tanyalah kepada pegawai BPR, ingat dia seronokkah dengar hari-hari Kota Melaka, Tanjong, menghentam dia hari-hari, Jelutong tidak berapa sangat, Jelutong dia hal mahkamah sahaja.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa mereka merupakan pegawai yang profesional, mereka akan menjalankan tindakan penyiasatan terhadap apa jua dakwaan yang dibuat. Sebab itu kita kena beri mereka morale support sedikit, beri semangat untuk dia menjalankan tugas-tugasnya. Saya percaya mereka memang menjalankan tanggungjawab, sebab mereka pun tidak mahu

dikecam oleh ahli-ahli Parlimen atau oleh masyarakat bahawa mereka tidak menjalankan tugas.

Yang Berhormat daripada....

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyatakan rasa terima kasih dan syabas kepada pihak BPR kerana dengan inisiatif BPR Negeri Sembilan dan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, saya rasa inilah kali pertamanya majlis taklimat kepada ketua-ketua jabatan di peringkat negeri dan juga daerah dibuat dengan inisiatif Saudara Abu Kassim dari Ibu Pejabat BPR.

Saya ingin tahu adakah *modus operandi* yang sedemikian juga akan diteruskan di negeri-negeri yang lain. Jadi, pada pendapat saya ini adalah merupakan satu perkara yang perlu kita laksanakan dan saya berharap pihak BPR melalui pihak negeri ataupun ibu pejabat akan terus menggalakkan pegawai-pegawai mereka turun ke bawah, membuat taklimat-taklimat di peringkat-peringkat jabatan, di peringkat daerah dan juga mungkin boleh mengajak persatuan ibu bapa ataupun kanak-kanak sekolah untuk mendekati BPR. Kalau boleh pegawai-pegawai di peringkat jabatan, di peringkat daerah, jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat daerah umpamanya JPJ, pejabat tanah yang menjadi fokus kepada masalah-masalah yang sedemikian dirapatkan dan

diberikan kursus serta permakluman mengenai dengan akta yang baru ini dan kesannya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat dari Jelevu. Itu satu intervention yang amat berharga kepada kita, sebab kalau kita dengar BPR ini bangkit, sebelah sana memang macam lagi. Terima kasihlah saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Jelevu ini juga akan memberi semangat kepada kami untuk terus menjalankan tugas bagi memerangi rasuah.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian ada bertanya satu lagi, dia bertanya fasal bilangan Pelapor Perbahasan dan *Hansard* juga. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita telah melonggarkan syarat untuk mendapatkan mereka yang boleh bekerja sebagai Pelapor, tetapi setelah kelonggaran syarat diberi masih juga belum ada permohonan diterima. Syarat sudah dilonggarkan, tetapi tidak ada orang yang hendak masuk.

Yang Berhormat dari Bagan bercakap tentang Suruhanjaya Pilihanraya, malangnya dia tidak ada pada hari ini, tetapi Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh dengarlah jawapannya. Dia mengatakan kad pengundi Barisan Nasional buat, hantar, jadi parti lain tidak boleh buat. Sebenarnya hujah atau argumentnya meleset, sebab kalau kita tengok dalam pilihanraya kecil. Hari ini kalau kita pergi ke Changkat Jering kita tengok pun kita tahulah, tengok PAS punya steady, dengan komputer dan sebagainya. Saya pergi pilihanraya kecil apabila PAS lawan dengan Barisan Nasional dia pun membuat kerja itu juga,

dia lagi dengan komputer, kadang-kadang student datang buat kerja ini, jadi bermakna bahawa kalau kita kata wang semata-mata mempengaruhi orang untuk bekerja tidak betullah, sebab PAS boleh buat. Maknanya DAP ini tidak ada orang hendak bekerja untuk dialah, sebab itulah dia kompelin pada hari ini di Sungai Bakap tidak ada. Sebenarnya bukan itu, sebenarnya mungkin penyokong tidak buat itu. Kalau tengok PAS saya kagum dengan budak-budak yang datang secara sukarela. Ini demokrasilah, kita tidak tahan kata 'hang penuntut jangan hendak masuk campur', tidak pergi tengok, budak-budak muda yang duduk main komputer, hantar kad semua. Jadi, ini bukan soal hendak tunggu kerajaan atau Suruhanjaya Pilihanraya beri duit baru boleh. Ini bukan soal itu, ini soal kesungguhan orang untuk bekerja. Janganlah mempertikaikan kami dalam Barisan Nasional, bila ramai bekerja, bekerja untuk duit - tidak betul. Kami turun beramai-ramai kerana kesungguhan kami untuk memastikan Barisan Nasional menang. Itu nombor satu. Nombor dua kalau orang datang kerja, hantar kad pengundi kepada pengundi belum tentu lagi kita boleh memenangkan pilihan raya, sebab kita hantar kepada semua. Kita hantar kepada semua, kita tidak kira. Kita juga tidak tahu dalam senarai pengundi dia tidak kata sekian-sekian ini dia pengundi DAP, kita hantar semua, belum tentu yang kad pengundi kita hantar itu dia hendak undi kita. Kita tidak peduli, kita hantar kepada semua. Sumbangan khidmat ini adalah untuk semua. Jadi, saya ingat apa yang Bagan hendak bangkit, hendak minta duit pula daripada

Suruhanjaya Pilihanraya supaya DAP pun boleh buat macam itu, saya ingat ini tidak bolehlah. Ini terpulang kepada keupayaan masing-masing parti.

Saya hendak katakan di sini bahawa bila kita hantar kad, kita hantar kepada semua, beritahu termasuk mungkin pengundi DAP sebab rahsia, kita tidak tahu dia mengundi siapa, termasuk mungkin pengundi dia kita hantar, dia dapat sumbangan itu dan mungkin dia tidak undi kita, tetapi kita Barisan Nasional okay, tidak pula datang kompelin di sini dan macam-macam tidak ada.

Tuan Robert Law Hoi Chew: Minta penjelasan. Sekarang ini didaftar pengundi masih menggunakan nombor IC lama, sebab di masa akan datang nombor baru akan digunakan atau diteruskan kita menggunakan nombor lama IC?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya orang itu datang mengundikah?

Tuan Robert Law Hoi Chew: Di daftar pengundi

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Robert Law Hoi Chew:sekarang ini nama pengundi menggunakan nombor IC lama bukan baru, dan di masa hadapan daftar pengundi (register voters), dengan izin akan menggunakan nombor yang lama atau yang baru?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, tengok dalam IC saya, kalau di masa hadapan kita guna yang barulah, tetapi

yang lama pun ada di belakang itu [*sambil memegang kad pengenalan*] jadi tidak apa masalah, saya ingat. Dalam IC yang baru ini pun nombor kita yang lama sudah ada, jadi kalau kita bawa IC yang baru pun, kalau kita tidak tahu nombor IC yang lama, jika dalam pendaftaran IC lama, kita boleh menggunakan yang ini.

Tuan Robert Law Hoi Chew: Saya fikir lebih baik kita pilih satu sistem, kalau menggunakan nombor yang baru, gunakan semua nombor baru atau mix?

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia berperingkat-peringkatlah, sebab ada orang yang belum apply yang baru, jadi mana yang IC baru kita kena menggunakan yang baru, apa-apa pun yang baru lebih baik bukan?

Seorang Ahli: Yang lama pun bagus.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang lama pun bagus, minta maaf! [*Ketawa*] Walau bagaimanapun apabila kita pergi ke hadapan sudah tentu kita akan menggunakan yang baru, sebab akhirnya nanti IC yang lama ini akan habis. Jadi, untuk masa hadapan kita akan menggunakan IC baru. Walau bagaimanapun dalam IC baru juga ada tertera nombor IC yang lama.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bagan juga telah membangkitkan berkenaan dengan soal penglibatan pegawai-pegawai kerajaan dalam kempen

pilihan raya. Saya hendak memperingatkan di sini bahawa, walaupun kita ada pilihanraya kecil, tetapi kerajaan itu wujud, bukan kerajaan tidak wujud. Jadi, program kerajaan berjalan dan sudah tentulah kalau dalam kempen pilihan raya, jika pembangkang bercakap benda yang tidak betul, maka menjadi tanggungjawab Pejabat Penerangan untuk memberi penerangan yang betul, jadi jangan cakap bohonglah. Itu masalahnya, dalam kempen dia bercakap, kerajaan wujud, bukan bermakna apabila pilihanraya kecil Sungai Bakap dan Changkat Jering itu diadakan, maka kerajaan semua berhenti sementara waktu selama sepuluh hari, bukan begitu, kerajaan terus berjalan.

Tuan Lim Guan Eng: Open admission!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, oleh kerana itu, kalau boleh pembangkang jangan cakap bohong. Kalau pembangkang tidak cakap bohong sudah tentu pegawai penerangan tidak akan turun untuk memberi penerangan yang sebetulnya. Saya ingat dalam hal ini tidak bolehlah bangkit mengatakan bahawa pegawai kerajaan terlibat, mereka menjalankan tugas sahaja, dia bukan berkempen, begitu juga Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen, kita orang politik, jadi kalau kita berkempen biasalah kerana kita orang politik, saya pun turun juga untuk berkempen di mana-mana, siapa pun turun. Jadi, janganlah panik, takkanlah waktu pilihanraya kecil kita hendak penalize nilai semua jangan turun - tidak bolehlah macam itu. Kita orang politik mempunyai parti, jadi apabila parti kita bertanding tanggungjawab kitalah untuk turun, janganlah kompelin semua, ini perkara kecil sahaja.

Berkenaan dengan borang percalonan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bagan, semua orang tahu bahawa kalau tidak tandatangan, kalau tidak tandatangan bermakna bahawa borang itu tidak sempurna. Jadi, sebab itu sekarang ini kita cuba untuk meningkatkan borang-borang kita

supaya menjadi mudah dan tidak berlaku apa-apa kesilapan. Soalnya di sini ialah soal legalistic, soal legal. Jadi, kalau borang itu tidak ditandatangani atau orang itu tidak menurunkan tandatangan maknanya dia tidak bertanding. Jadi borang itu dianggap sebagai null and void, this is legal. Kita berhenti....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sedikit lagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, Yang Berhormat saya akan sambung pada hari Isnin dan melesetlah apa yang Kota Melaka kata bahawa jawapan saya pendek. [*Tepuk*] Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila sambung pada hari Isnin.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak boleh tahan!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Majlis bersidang semula sebagai majlis mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Lim Guan Eng: Ini hendak lepas geram sahaja. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.